

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 132 ● 10 - 16 SEPTEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

ATM beras bukti prihatin kerajaan mendepani wabak

ACAP kali mendengar keluhan kumpulan rentan dan asnaf yang mendakwa sukar mendapatkan bantuan apabila terpaksa melalui pelbagai prosedur selain perlu mengisi borang permohonan yang banyak, demi mendapatkan sekampit beras.

Kesukaran yang dihadapi itu membuatkan RumahPrihatin@

GrandSeasons tampil dengan inisiatif baharu, ATM beras yang dilihat lebih mudah serta 'mesra' pemohon.

Berkonsepkan mesin juruwang automatik, pemohon hanya perlu mengimbas kad pengenalan diri di ruangan yang disediakan sebelum menadahkan beg bersesuaian untuk diisi beras.

Setiap pemohon akan menerima beras sebanyak lima kilogram.

Untuk maklumat, mesin ATM beras diletakkan di perkarian RumahPrihatin@GrandSeasons sekali gus memudahkan individu yang memerlukan mengambilnya, selain dapat menjaga jarak fizikal dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).



KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA BERALIH KE FASA 2 PPN. LABUANG GELEMBUNG PELANCONGAN

Hijrah Warrior, kini usahawan peruncitan

SELARI dengan peranan peneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited memastikan hasil produk pertanian kebun bandar Hijrah Warrior dipasarkan secara sistematik kepada orang ramai melalui pelaksanaan Hijrah Warrior Mart.

Hijrah Warrior Mart di Teratak Muhibbah 1, Taman Desa, Kuala Lumpur ini akan dijadikan hub keusahawanan sosial oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membolehkan golongan sasar tersebut terlibat secara langsung dalam sektor peruncitan dengan bekerja sebagai usahawan peruncitan.

Sebagai permulaan Hijrah Warrior Mart akan memberi tumpuan kepada penjualan hasil produk daripada Hiliran Anjung Kelana dan Kebun Kejiran Bandar LA21 Kuala Lumpur.

LAGI BERITA DI MUKA 2



SHAHIDAH (kiri) melihat hasil kraf tangan yang dibuat oleh Hijrah Warrior di Anjung Kelana



PERUPA lancar program bantu pelukis jalanan

>>5



MINTS
kembali
dibuka - YWP

>>8



Menteri turun
padang agih
bakul makanan

>>12 & 13

Hasil dipasarkan di Teratak Muhibbah 1

Operasi Hijrah Warrior Mart mula Oktober

NAZWIN NAZRI

SELEPAS ‘diselamatkan’ dan diberi bimbingan sewajarnya, kini kelompok gelandangan yang lebih sinonim dengan nama Hijrah Warrior bakal menjadi usahawan tani dan peruncitan.

Ini kerana, hasil produk tani kebun bandar yang diusahakan di beberapa lokasi penempatan mereka sudah boleh dipasarkan kepada orang awam.

Berkata mengeninya, Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** memberitahu, langkah tersebut juga selari dengan peranan kementeriannya sebagai peneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampang.

“Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited memastikan hasil produk pertanian kebun bandar Hijrah Warrior dipasarkan secara sistematis kepada orang ramai melalui pelaksanaan Hijrah Warrior Mart.

“Hijrah Warrior Mart akan di-

jadikan hub keusahawanan sosial oleh NGO (pertubuhan bukan kerajaan) bagi membolehkan golongan sasar itu terlibat secara langsung dalam sektor peruncitan dengan bekerja sebagai usahawan peruncitan,” katanya dalam sidang akhbar pada Rabu.

Beliau berkata demikian selepas meninjau tapak dan hasil produk pertanian kebun bandar Hijrah Warrior di Taman Desa, Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut berkenaan pelaksanaan itu, Shahidan memberitahu, gerai Hijrah Warrior Mart pertama akan dibuka di Teratak Muhibbah 1, Taman Desa, Kuala Lumpur dan beroperasi dari pukul 9 pagi hingga 9 malam.

Jelas beliau, seramai empat orang gelandangan akan berkerja mengikut syif (dua orang bagi setiap syif) dengan gaji minima sebanyak RM1,200 dan turut disediakan tempat penginapan percuma.

“Di samping itu, peserta Hijrah Warrior Mart juga diberi pendedahan khusus mengenai pengurusan perniagaan secara fizikal dan atas talian (*online*) yang membolehkan



SHAHIDAN (kanan) bersama Jalaluddin (tengah) melawat kebun bandar yang diusahakan oleh Hijrah Warrior di Taman Desa.

orang ramai membeli produk-produk mereka dengan lebih mudah.

“Sebagai kepelbagaian hasil produktiviti kebun Hijrah Warrior, jenis tanaman akan diperluaskan kepada penanaman pokok buah-buahan *hybrid* jangka masa pendek seperti pokok pisang, nanas, buah naga atau jambu pink

guava,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihak kementerian juga telah mengenal pasti kawasan kebun bersebelahan bangunan kosong Sekolah Kebangsaan Danau Perdana dengan keluasan 3.3 ekar yang akan menjadi nilai tambah kepada inisiatif berkenaan.

Tambahnya, kementerian turut merancang untuk memperluaskan konsep Hijrah Warrior Mart ke semua projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) DBKL di masa akan datang di samping membuka peluang untuk orang ramai membeli produk Hijrah Warrior Mart secara atas talian.

“Pelaksanaan program seumpama itu diharapkan menjadi *total* penyelesaian kepada isu gelandangan di Wilayah Persekutuan. Pada masa sama menjadi satu titik perubahan dalam kehidupan gelandangan ini supaya mereka dapat keluar daripada kehidupan bergelembang dan menjadi seorang usahawan yang berjaya dalam ‘Keluarga Malaysia’,” jelas beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 10 September ini manakala Labuan akan dijadikan seperti Pulau Langkawi, Kedah yang dibuka semula di bawah program gelembung pelancongan mulai 16 September. WK



Isteri Menteri Wilayah Persekutuan sising lengan memasak di Dapur Prihatin

ISTERI kepada Menteri Wilayah Persekutuan, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** meluangkan masa memasak di Dapur Prihatin.

Beliau yang tiba tanpa

protokol dilihat tidak kekok ‘bersilat’ di dapur dan bertungkus lumus menyediakan juadah untuk sukarelawan dan golongan yang memerlukan melalui inisiatif tersebut.

Aktiviti ini merupakan yang pertama disertainya sejak Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan pada 30 Ogos lalu. WK

SHAMSIAH menyediakan makanan yang dimasak di Dapur Prihatin untuk diagihkan kepada golongan memerlukan di sekitar ibu negara pada Rabu.

Shahidan, Jalaluddin mahu mantapkan peranan agensi di bawah kementeriannya

MENTERI Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** dan Timbalannya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** mengadakan lawatan kerja ke Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) pada Selasa.

Kehadiran kedua-dua pemimpin tersebut disambut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun serta pegawai-pegawai kanan YWP. Beliau meluangkan masa mendengar taklimat mengenai operasi di samping bertukar-tukar pandangan bagi memantapkan peranan YWP.

Lawatan seterusnya ke PKB disambut oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar, Pengurus PKB, Datuk Effendi Zahari dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk TPr Lokman Omar.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian mendengar taklimat mengenai organisasi PKB serta perancangan pembangunan Kampung Baru.



SHAHIDAN (tengah) dan Jalaluddin bergambar kenangan bersama barisan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di kedua-dua agensi selepas selesai lawatan kerja rasmi di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada Selasa.



Manfaat IWBB akan ditambah baik - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

INISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) yang diperkenalkan 15 November tahun lalu akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Berikutnya, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mempertimbangkan untuk memanjangkan tempoh lesen perniagaan percuma melalui skim tersebut yang dijadual tamat pada akhir tahun ini.

Ini kerana, katanya, kerajaan akan meneruskan semua dasar pentadbiran terdahulu (Tan Sri TPr Annur Musa) yang dilihat memberi manfaat kepada masyarakat.

"Semua kerja baik yang telah dibuat oleh rakan-rakan (Menteri Wilayah Persekutuan terdahulu) akan diteruskan, bila masanya sampai kita akan umumkan.

"Ada penambahbaikan yang DBKL akan umumkan dari sem-



Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



sa ke semasa, kita bukan sahaja akan beri peluang kepada mereka bermiaga malah akan permudahkan," katanya dalam sidang akbar pada program penyerahan bantuan bakul makanan MYFood@ Wilayah.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Pengurus Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yassin agar tempoh inisiatif tersebut dipanjangkan lebih lama lagi bagi meringankan beban peniaga yang terjejas akibat COVID-19.

Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga yang diperkenalkan kira-kira 10 bulan lalu, membolehkan orang ramai khususnya mereka yang terjejas pendapatan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan membuat gerai atau perniagaan secara kecil-kecilan di mana-mana kawasan sesuai secara percuma.

Terdahulu, pada majlis itu, Shahidan menyerahkan bantuan bakul makanan MYFood@ Wilayah kepada penduduk kurang



SHAHIDAN menyerahkan bantuan bakul makanan kepada penerima yang layak semasa lawatan ke Taman Desa pada Selasa. Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias serta Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar.

berkemampuan di Taman Desa yang melibatkan tiga kawasan perumahan iaitu Flat Sri Lempah, Teratak Muhibbah 1 dan Teratak Muhibbah 2.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, seramai 67,285 penerima daripada golongan kurang berkemampuan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan telah menerima

manfaat daripada program bakul makanan tersebut dengan jumlah peruntukan lebih RM3.2 juta.

Inisiatif berkenaan tidak hanya fokus kepada penduduk projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awan (PA) sahaja, ia turut diperluaskan kepada perumahan dan flat kos rendah swasta yang terkesan. WK

REAKSI penerima MYFood@Wilayah

ALHAMDULILLAH, saya sangat berterima kasih kerana telah membantu kami sekeluarga ketika pandemik ini dengan memberi bantuan barang makan secukupnya dan diharapkan Menteri Wilayah Persekutuan dapat membantu lebih ramai penduduk di sini."

Ummi Noor Syahida Abdullah, 46 Suri rumah

SAYA sangat gembira dengan bantuan yang diberikan memandangkan saya sendiri sudah tidak bekerja dan masih bujang jadi bahan kering yang disumbangkan itu sangat memadai kerana selagi ada yang sudi memberi sumbangan itu sudah cukup gembira buat saya."

Neoh Kim Heng, 71 Tidak bekerja, warga emas

INI adalah kali pertama saya menerima bantuan dan sangat bersyukur kerana ia serba sedikit dapat meringankan beban keluarga serta dengan makanan kering yang diberikan ia sudah memadai dan cukup buat kami sekeluarga."

Ahmad Nazmi Md Nizam, 22 Berkerja dengan persatuan OKU NGO bidang IT, OKU

Penerima bantuan tidak perlu hadapi kerentan birokrasi

ATM beras lebih telus, memudahkan

HAZIRAH HALIM

JIIKA sebelum ini mesin juruwang automatik atau lebih dikenali sebagai ATM berfungsi untuk mengeluarkan wang, kini konsep yang sama digunakan untuk memudahkan golongan miskin mendapatkan bekalan beras.

Dikenali sebagai ATM beras, mesin berkenaan membolehkan individu memerlukan mendapatkan beras tanpa melalui kerentan birokrasi yang diletakkan di ruang legar Rumah Prihatin@ GrandSeasons.

Bagi Jumiati Sadi, 55, mesin ATM beras yang disediakan itu memberi kemudahan kepada golongan sepertinya untuk mendapatkan bekalan beras dengan hanya mengimbas kad pengenalan diri di ruangan yang terdapat di mesin tersebut.

"Sebelum ini kita hanya lihat mesin ATM yang mengeluarkan duit sahaja tetapi kali ini saya dapat melihat mesin ATM pertama di Wilayah Persekutuan yang mengeluarkan beras.

"Prosesnya pula sangat mudah kerana kami hanya perlu bawa kad pengenalan dan meletakkannya di satu ruangan untuk



JUMIATI

diimbas dan beras sebanyak lima kilogram akan keluar di saluran yang disediakan," katanya kepada Wilayahku ketika ditemui baru-baru ini.

Dia yang juga ibu tunggal berkata, proses pemberian sumbangan menggunakan mesin seperti itu lebih sesuai jika dilaksanakan secara berperingkat atau menggunakan sistem penentuan masa.

"Inisiatif ini sangat mudah dan cepat tetapi ia lebih sesuai jika diberikan secara berperingkat atau tetapkan masa seperti pukul 9 pagi hingga 1 petang atau 2 petang hingga 6 petang untuk warga kota mengambil beras tersebut.

"Dengan cara itu, ia dapat mengelakkan kesesakan atau berbebat sekali gus mengurangkan penularan jangkitan COVID-19. prosedur operasi standard (SOP) lebih terjaga," katanya.

Tambahnya yang juga terkenal dalam tempoh getir ini, kos sara hidup tinggi dan masalah pandemik yang belum selesai menyebabkan ramai masyarakat kehilangan sumber pendapatan serta memerlukan bantuan untuk meringankan beban demi kelangsungan hidup.

"Gaji saya telah dipotong dan

kini amat mengharapkan bantuan daripada mana-mana pihak untuk menyara anak-anak. Kalau boleh biarlah bantuan sentiasa ada kerana kita semua tidak seharusnya bila pandemik akan berlaku.

"Bantuan beras dan barang keperluan asas yang diberikan Rumah Prihatin sedikit sebanyak meringankan beban saya untuk beberapa minggu," katanya.

ATM BERAS LEBIH MUDAH, SESUAI NORMA BAHRU

Sementara itu, Mohd Razali Samat, 59, berkata, kaedah pembenaran beras menggunakan mesin berkenaan sesuai digunakan dalam keadaan pandemik berikutnya ia dapat mengelakkan risiko sentuhan yang boleh menyebabkan jangkitan COVID-19.

"Keadaan semasa ini menyebabkan ramai masyarakat takut akan virus yang cepat merebak dan sukar dikenal pasti. Oleh itu, Rumah Prihatin telah mengambil langkah terbaik untuk membantu rakyat.

"Mesin ini sangat memudahkan kami untuk mendapatkannya sekali gus meringankan beban warga kota yang memerlukan untuk memperoleh bantuan be-



PENGUNA hanya perlu mendakwa beg bersesuaian untuk mendapatkan beras.

ras dalam keadaan terdesak," luahnya.

Bagaimanapun, Razali berharap agar usaha ini dapat diperluaskan bukan hanya memfokuskan kepada pihak tertentu tetapi kepada setiap masyarakat.

"Saya berharap agar pihak tertentu lebih cekap dalam mengenal pasti keadaan dan status rakyat supaya bantuan tidak disalah gunakan. Wujudkan lebih banyak penerima insentif ini dengan menggunakan maklumat dan data daripada persatuan pen-



AZIAH

duduk supaya ia boleh dinikmati oleh mereka yang amat memerlukan," katanya.

Dalam pada itu, warga emas Aziah Tabiat, 74, mengharapkan agar bantuan ATM beras dapat disalurkan secara terus kepada masyarakat yang sukar bergerak terutama golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

"Saya berharap agar bantuan ini dapat disalurkan secara terus kepada penerima yang sukar untuk bergerak keluar dengan menggunakan kerusi roda dan tongkat agar tiada masyarakat yang tercincir daripada memperoleh bantuan," katanya. WK

Pembukaan sektor ekonomi di Wilayah Persekutuan

Tiada cadangan SOP khusus - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) tidak bercadang untuk mengadakan prosedur operasi standard (SOP) yang khusus untuk Kuala Lumpur dan Putrajaya akibat pembukaan sektor ekonomi dan sektor pelancongan di ibu kota.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kasim** berkata, pihaknya akan terus menggunakan SOP yang sedia bagi memudahkan pemantauan terhadap situasi semasa di kedua-dua Wilayah Persekutuan.

"Kawasan pelancongan utama di negara ini adalah di Kuala Lumpur jadi kita hendak lihat supaya benda ini diberi perhatian. Fasa 1 ada garis panduan dan Fasa 2 juga ada garis panduan, kita akan ikut yang itu."

"Kerajaan telah umumkan pembukaan aktiviti ekonomi di kawasan pelancongan di

Langkawi, jadi Kuala Lumpur ini bukan sahaja kawasan aktiviti ekonomi, di samping itu, ia juga adalah kawasan pelancongan dan aktiviti ekonomi," katanya dalam sidang media selepas mempergerakkan Mesyuarat Pusat Penyelaras dan Pengurusan COVID-19 (CCMC) di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) pada Jumaat.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Azizah Mohamed Said.

Beliau yang juga Pengurus CCMC berkata, pada ketika ini angka dari KKM telah menunjukkan penduduk di Kuala Lumpur telah mencapai tahap 200 peratus untuk dos pertama melalui program vaksinasi COVID-19.

"Saya hendak tengok apa-



SHAHIDAN (kanan) bersama Jalaluddin (tengah) dan Rosida ketika melawat CCMC di IDB, baru-baru ini.

kah sebenarnya warga Wilayah Persekutuan ini telah mendapat vaksin 100 peratus atau tidak.

"Kita akan membuat pusingan kedua vaksin bergerak dengan kerjasama kementerian yang lain

untuk pergi terus ke kawasan-kawasan di Kuala Lumpur dan kita hendak pasti supaya warga tempatan telah divaksin atau tidak," katanya.

Berdasarkan statistik Jawatankuasa Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) sehingga Khamis, ketiga-ketiga Wilayah Persekutuan termasuk Labuan telah berjaya melepas sasaran 80 peratus penduduk lengkap divaksinasi.

Bagi Kuala Lumpur, sebanyak 2.7 juta individu menerima suntikan dos pertama vaksin dan bagi individu lengkap suntikan dua dos adalah 2.1 juta.

Putrajaya pula merekodkan 126,656 individu (dos pertama) dan 117,094 individu (dos kedua) manakala Labuan yang kini beralih ke Fasa Empat PPN mencatatkan 70,313 individu (dos pertama) dan 67,818 individu (dos kedua). **W.K**

Data tepat dapat bantu KL, Putrajaya beralih Fasa - Jalaluddin

PUSAT Pengurusan Krisis COVID-19 (CCMC) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memerlukan data yang tepat bagi membolehkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mengemukakan permohonan untuk Kuala Lumpur dan Putrajaya berpindah dari Fasa 1 kepada Fasa 2 mengikut Program Pemulihan Negara (PPN).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, pihaknya memerlukan jumlah sebenar data untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi individu yang telah menerima suntikan berdasarkan rekod dan data.

"Ketika ini, apa yang diberikan adalah peratusan berdasarkan kepada jumlah suntikan (jab) yang diberi sahaja.

"Jika warga kota telah mendapat suntikan vaksin melebihi kadar yang ditetapkan dan telah mencapai imuniti kelompok, kerajaan wajar untuk meluluskan peralihan daripada Fasa 1 ke Fasa 2 PPN kerana ia penting untuk kebajikan dan perkembangan masyarakat, ekonomi dan aktiviti bagi kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya kepada pemerhati selepas Majlis Mengadap Datuk Undang Luak Jelebu di Balai Undang Luak Jelebu, Kuala Klawang.



JALALUDDIN ketika mengadap Datuk Undang Luak Jelebu di Balai Undang Luak Jelebu, Kuala Klawang.

mengemukakan data yang sebenar mengenai warga kota yang telah mendapat suntikan.

"Jika warga kota telah mendapat suntikan vaksin melebihi kadar yang ditetapkan iaitu telah mencapai imuniti kelompok ini, kerajaan wajar untuk meluluskan peralihan daripada Fasa 1 ke Fasa 2 PPN kerana kepentingan peralihan fasa ini untuk kebajikan dan perkembangan masyarakat, ekonomi dan aktiviti bagi kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

Jelasnya, pihaknya berpendapat pembukaan kegiatan ekonomi terutama bagi masyarakat kota terutama di kedua-dua kawasan adalah wajar dan sangat penting jika proses peralihan itu mencukupi dan memenuhi kehendak.

"Ia perlu disegerakan kerana penting untuk kita menembusi semula segala aktiviti ekonomi. Segala bentuk aktiviti pentadbiran bagi memastikan negara kita dapat memecut semula untuk perkembangan ekonomi serta pentadbiran negara.

Tegas Jalaluddin, melalui data tersebut, ia dapat memberikan gambaran mengenai pencapaian dan kejayaan kerajaan dalam mencegah penularan wabak tersebut di kedua-dua Wilayah Persekutuan.

"Kita tidak lagi mampu untuk menangguhkan lagi segala aktiviti ekonomi. Segala bentuk aktiviti pentadbiran bagi memastikan negara kita dapat memecut semula untuk perkembangan ekonomi serta pentadbiran negara.

"Walaupun data menunjukkan sudah mencapai kadar vaksin 160 hingga 170 peratus, tetapi apakah data sebenarnya. Saya telah meminta penjelasan daripada kementerian berkenaan supaya

ana bila orang sebut Malaysia, orang akan sebut Kuala Lumpur dan bila orang sebut pentadbiran, orang akan sebut Putrajaya.

"Itulah pentingnya untuk kedua-dua kawasan ini untuk beralih fasa tetapi dengan syarat, kehendak dan tuntutan vaksinasi kelompok ini sudah dipenuhi kerana kita tidak boleh berkompromi dengan keselamatan rakyat berkaitan dengan pandemik ini," katanya.

Tambahnya, pihaknya akan juga memulakan semula program vaksinasi bergerak melalui Mobil Vaksin dalam tempoh dua minggu di beberapa tempat yang mencatatkan peningkatan kes 500 ke atas.

"Kita akan hantar mobil vaksin outreach program bagi mengadakan suntikan terbuka dan mana-mana individu yang belum menerima suntikan vaksin ini hanya perlu datang dan menerima suntikan secara walk in (daftar terus) dan ia bermula minggu ini," katanya. **W.K**



Notis ‘jangan persoalkan vaksin’ bukan milik DBKL

DIANA AMIR

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menegaskan bahawa notis yang ditampal di Taman Rimba Bukit Kerinchi, Jalan Pantai Dalam yang tular sebelum ini bukan daripada pihaknya, sebaliknya ia dibuat oleh sebuah syarikat kawalan keselamatan.

Dalam satu kenyataan, DBKL berkata, pegawainya telah mengambil tindakan pantas dengan menanggalkan notis berkaitan kerana ia mengelirukan pengunjung.

“Syarikat keselamatan tersebut telah diberi teguran oleh pihak DBKL dan para pengunjung dinasihatkan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya di laman facebook pada Isnin.

Notis berbahasa Inggeris tersebut adalah berkaitan pematuhan SOP dibuat dengan menggunakan ayat ‘kasar’ dikait-

kan dengan DBKL sebagai pihak yang menguruskan taman tersebut.

Difahamkan bahawa notis tersebut untuk memaklumkan kepada pengunjung supaya tidak bertanyakan tentang status vaksinasi para pengawal keselamatan yang bertugas.

“Perhatian kepada semua pengunjung, jangan tanya kami tentang vaksin, kerana kami telah divaksin dua kali. Orang ramai tidak berhak mengajukan soalan seperti itu kecuali mereka memakai pakaian seragam (pihak berkuasa). Terima kasih atas kerjasama anda.”

DBKL berkata, notis sebenar yang dikeluarkan oleh pihaknya hanya memaklumkan mengenai Taman Permainan Kanak-Kanak di Taman Rimba Bukit Kerinchi ditutup bagi mencegah penularan wabak COVID-19. WK

NOTIS berkenaan pemantauan SOP yang menggunakan ayat ‘kasar’ dikeluarkan oleh sebuah syarikat kawalan keselamatan.



PERUPA lancar program bantu pelukis jalanan

HAZIRAH HALIM

PERSATUAN Seni Rupa Malaysia (PERUPA) mengajurkan program Payung Merah yang bertujuan mengumpulkan bantuan dan akan disalurkan kepada pelukis jalanan yang terjejas akibat pandemik ini.

Naib Presidennya, **Irwan Idris** berkata, pihaknya telah melancarkan program Payung Merah bermula pada 15 Julai bertujuan untuk mengumpulkan sumbangan bentuk dana untuk membantu golongan pelukis yang terjejas akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) tahun lalu.

“Apabila PKP dilaksanakan, ramai pelukis yang tidak dapat meneruskan kerjaya harian mereka seperti biasa akibat banyak jalan dan premis perniagaan terpaksa ditutup. Kebanyakkan mereka adalah pelukis sepenuh masa dan menjadikan jalanan sebagai sumber pendapatan utama mereka untuk menyara hidupan.

“Hasil daripada data yang telah dikumpulkan melalui google form, kami mendapati ramai pelukis yang telah hilang pendapatan, ada yang dihalau keluar oleh tuan rumah kerana tidak mampu untuk membayar



BANTUAN set makanan kering yang disumbangkan oleh RumahPrihatin akan diagih-agihkan kepada ahli PERUPA yang terjejas sepanjang pandemik COVID-19.

sewa, tiada jualan dan banyak lagi. Oleh itu, kami terpanggil untuk menggerakkan program dan memohon bantuan kepada RumahPrihatin dan seterusnya menyalurkan kepada mereka,

“Sejak kami lancarkan program tersebut, setakat ini kami berjaya mengumpulkan kira-kira RM22,000 dan ia di agih-agihkan kepada ahli dan bukan ahli PERUPA yang memerlukan bantuan,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menjelas lanjut, Irwan berkata, program Payung Merah ini digerakkan bagi membantu ahli PERUPA yang berdaftar

ar iaitu 328 orang dengan 172 merupakan ahli seumur hidup dan kami memfokuskan kepada empat konsul dalam pemberian bantuan.

“Konsul pertama adalah untuk pelukis atau keluarga pelukis dan sumbangan yang diberikan adalah bantuan kewangan dan bekalan makanan harian secara one-off.

“Bagi Konsul kedua puluh untuk pelukis veteran dan kami memberikan bantuan kewangan atau perubatan secara bulanan.

“Konsul ketiga melibatkan pelukis dari golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

atau yang mengalami kecederaan. Kami berikan bantuan perubatan secara one off dan kami juga akan membantu membuat rundingan ke pusat zakat atau yayasan-yayasan tertentu.

“Dan bagi konsul keempat adalah dikhususkan kepada pelukis yang gelandangan dan kami akan membantu dari segi rundingan ke pusat perlindungan atau pihak berkuasa,” katanya sambil menambah proses agihan masih terus dijalankan mengikut data pemohon lengkap berjumlah 237 pemohon dari pelukis-pelukis seluruh negara ahli dan bukan ahli PERUPA. WK

Tangga Putrajaya dibina di atas tanah seluas 0.5 hektar dan berkeluasan 4,995 meter persegi. Kedudukannya strategik, berhadapan dengan Pesiarian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan menghadap Medan Selera Laman Perdana.

CERITA KEDAI KOPI

Parkir percuma dilanjutkan

BERITA gembira untuk warga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur. Pengecualian bayaran tempat letak kereta percuma di bahu jalan yang diberikan sempena ulang tahun Hari Kebangsaan mulai Julai sehingga 31 Ogos lalu dilanjutkan sehingga 30 September. Ini bermakna ia akan merentasi sambutan ulang tahun Hari Malaysia pada 16 September.

Pengecualian tempat parkir ini dilanjutkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan persetujuan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim. Kawan-kawan Kedai Kopi ucapan terima kasih kepada beliau atas hadiah lanjutan ini.

Memetik kenyataan DBKL, pihaknya mengambil berat dan prihatin dengan kesukaran yang dihadapi oleh warga kota akibat terkesan dengan tempias COVID-19 yang masih melanda negara sehingga kini. Malah ada yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan dalam suasana ekonomi yang suram akibat pandemik tersebut.

Pengecualian bayaran parkir ini juga satu usaha membantu. Mungkin ada yang beranggapan ia tidak banyak, tetapi bagi pengguna kendaraan, terutama yang kerap parkir di dalam kawasan Kuala Lumpur, ia begitu bermakna.

Perlu diingat pengecualian ini melibatkan 61,000 petak letak kereta bahu jalan di Kuala Lumpur. Ia adalah jumlah besar yang tentunya memberi manfaat kepada ramai orang. Secara total, bayaran yang diijinkan adalah juga banyak.

Walau pun ini menyebabkan DBKL kehilangan salah satu sumber pendapatan, yang penting ia membantu meringankan beban perbelanjaan warga ibu kota. Pihak DBKL masih boleh memperoleh pendapatan daripada sumber lain. Wilayah Persekutuan memang prihatin terhadap warganya.



Cabarán mendaki Tangga Putrajaya

INGIN beriadah sambil menguji kekuatan dan ketahanan fizikal dengan mendaki banyak anak tangga? Tidak lama lagi warga Wilayah Persekutuan khususnya dan orang ramai umumnya, akan berpeluang berbuat demikian.

Tangga Putrajaya, tarikan baharu di Putrajaya, kini siap melebihi 80 peratus pembinaannya. Ia merupakan kombinasi tempat beriadah dan bersantai. Pada masa sama ia merupakan tarikan pelancongan terbaru di pusat pentadbiran negara itu.

Kehadiran Tangga Putrajaya sebagai ikon terbaru Putrajaya memang dialu-alukan. Sebagai mercu tanda baharu, ia diyakini mampu menarik kehadiran ramai, khususnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan kelak.

Selain berekreasi dan beriadah, tentu ramai akan cuba mendaki anak tangga di situ hingga ke puncak. Ia juga bakal menjadi lokasi kunjungan pelancong dalam dan luar negara.

Tangga Putrajaya dibina di atas tanah seluas 0.5 hektar dan berkeluasan 4,995 meter persegi. Kedudukannya strategik, berhadapan dengan Pesiarian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan menghadap Medan Selera Laman Perdana.

Laluan seumpama paksi lurus itu mempunyai 248 anak tangga dan direka bentuk tidak curam demi keselamatan pengguna. Ia dilengkapai empat plaza dan 14 tapak hentian rehat selain 46 tiang lampu taman.

Pembinaan Tangga Putrajaya dilihamkan daripada pembinaan tangga ikonik lain di dunia. Antaranya Tangga Selaron di Rio de Janeiro, Brazil; Tangga Joker di New York, Amerika dan Tangga Potemkin di Odessa, Ukraine.

Tangga Putrajaya yang juga berkONSEP taman, akan diserikan dengan pokok-pokok bunga dan renik berwarna-warni yang akan ditanam di kedua-dua sisi tangga bagi menambah ceria persekitaran.

Juga bakal ditanam ialah pokok tekoma atau Sakura Malaysia yang sangat menceriakan pemandangan apabila musim berbunga. Ia dijangka menjadi landskap utama kawasan tangga tersebut. Tunggu sahaja tarikh pembukaan Tangga Putrajaya!

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helmehanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
nazwinizan@yayasanwp.org.my

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com
Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfaizi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikkywilayahku7@gmail.com
Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farid Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farid Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my

V Kumar Veeran

veeran1010@gmail.com
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laili Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laili Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

Membina super skill



BUDIMAN
MOHD ZOHDI
Setiausaha Politik
Menteri Wilayah Persekutuan

SEMUA orang mempunyai kebolehan untuk melakukan sesuatu. Sebahagian daripada mereka boleh melakukan banyak sesuatu, yakni mempunyai kebolehan dalam pelbagai bidang.

Contohnya, Seniman Agong P. Ramlee yang boleh menyanyi, berlakon, mencipta dan menggubah lagu, bermain alat muzik, berlakuk dan mengarah filem.

Tetapi ramai yang lain pula kebolehannya benar-benar terhad pada sesuatu. Jika dia pelawak, maka berlakuk sajalah yang dia tahu.

Jika kebolehannya bertukang, jangan disuruh dia menoreh getah sebab dia tidak mungkin dapat melakukannya dengan baik.

Dalam dunia kerjaya, kebolehan seperti ini dinamakan *hard skill*. Ia mungkin sesuatu yang dimiliki oleh seseorang secara semula jadi, atau diperolehi melalui bimbingan, latihan, kursus dan sebagainya.

Contoh yang lebih tepat mengenai *hard skill* boleh dilihat melalui iklan kekosongan sesuatu jawatan. Misalnya jawatan tukang jahit, antara syarat perjawatannya, sebagai contoh, ialah lepasan Giat MARA, mempunyai kebolehan asas menjahit, tetapi berpengalaman menjahit pukal diutamakan.

Sijil dari Giat MARA, kebolehan asas menjahit atau pengalaman menjahit pukal itu adalah *hard skill*. Dalam apa-apa bidang pun *hard skill* akan melayakkan anda bekerja. Namun ia tidak mencukupi. Untuk menjadi pekerja yang baik, anda perlukan *soft skill*. Tetapi apakah *soft skill*?

Ia merupakan sesuatu yang unik, yang kadang-kadang anda tidak sedar bahawa anda memiliki. *Soft skill* pada dasarnya adalah segala sesuatu yang berkaitan dengan sikap. Sesuatu yang tidak diajar secara langsung di sekolah, tetapi anda mempelajarinya secara tidak langsung di mana-mana sahaja – termasuk di sekolah.

Secara mudahnya *soft skill* adalah kemahiran insaniah. Ia berkaitan dengan cara anda bekerja, yang merangkumi kemahiran berkomunikasi atau berinteraksi, kemahiran mendengar, menguruskan masa dan empati.

Pekerjaan anda yang bermodalkan *hard skill* akan menjadi lebih lancar jika anda memiliki *soft skill* yang betul dengan kehendak pekerjaan itu.



KEMAHIRAN dalam erti kata sebenar, bukan setakat tahu perkara asas sahaja.

Misalnya pekerjaan anda memerlukan anda bekerja secara berpasukan, maka tuntutan terhadap empati anda juga dengan sendirinya akan menjadi sangat besar.

Anda tidak boleh membawa perangai kera sumbang atau berlagak menjadi enau dalam belukar kerana ia akan menjelaskan produktiviti dan kelancaran kumpulan kerja anda.

Dua ciri itu, *hard skill* dan *soft skill* akan membolehkan anda hidup macam orang lain.

Mempunyai kerja dan beroleh upah yang sewajarnya. Tetapi untuk berjaya anda perlukan lebih daripada itu. Untuk memastikan kerjaya anda selamat juga tidak cukup dengan *hard skill* dan *soft skill* sahaja.

Banyak orang yang memiliki kedua-dua nilai itu tetapi tetap dibuang kerja apabila majikan perlu melakukan pengurangan kakitangan. *Hard skill* dan *soft skill* juga tidak cukup untuk anda jadikan modal mencari pekerjaan baharu dalam situasi mencabar, peluang kerja terhad dan saiz saingan pula besar daripada sepatutnya.

Tetapi nasib anda berbeza jika anda mempunyai *super skill*. Majikan akan berfikir seribu kali untuk menyingkirkan orang seperti anda.

Bakal majikan pula berkemungkinan besar tidak akan teragak-agak untuk mengambil anda bekerja.

Dalam kes-kes tertentu mereka yang memiliki *super skill* mungkin tidak perlu melamar sesuatu pekerjaan, sebaliknya dirinya lah yang akan ‘dilamar’ oleh pekerjaan

tersebut.

Skop *super skill* sebenarnya luas. Yang paling asas adalah anda perlu menajamkan kemahiran anda dalam bidang kerja yang anda ceburi.

Satu lagi asas adalah dengan menjadikan diri anda ‘*jack of all trades and master of everything*’. Maksudnya anda tahu semua perkara, atau setidak-tidaknya banyak perkara, dan anda mahir dalam semua perkara yang anda tahu itu.

Kemahiran itu pula harus dalam erti kata sebenar, bukannya setakat tahu perkara yang asas, kerana orang seperti itu lebih layak menjadi penglipur lara di warung kopitiam.

Memiliki *super skill* akan menyelamatkan anda daripada menjadi rentan dalam apa juga bidang yang anda libati. Kena caranya ia akan menjadikan anda istimewa. Jadi berusahalah membina *super skill* anda.

Mulakan dengan memilih suatu bidang yang anda benar-benar minati kemudian bersungguh-sungguhlah mendalami ilmu dan kemahiran dalam bidang itu.

Minat dan cinta terhadap seni mempertahankan diri membawa Hang Tuah Lima Bersaudara berguru dengan Sang Adi Putra. Minat dan cinta kepada Melaka menyebabkan mereka berlima mempertaruhkan nyawa kerananya.

Super skill yang mereka ada menjadikan kelima-limanya tersohor sampai sekarang.

Untuk mengetahui sama ada seseorang itu memiliki *super skill* atau tidak bukanlah sukar. Ia boleh dinilai daripada caranya bekerja.

“ Memiliki super skill akan menyelamatkan anda daripada menjadi rentan dalam apa juga bidang yang anda libati. Kena caranya ia akan menjadikan anda istimewa. Jadi berusahalah membina super skill anda.

Seorang yang memiliki *super skill* akan melakukan pekerjaannya dengan penuh dedikasi, pantas, tetapi teliti dan yang lebih penting dia merasa satu kepuasan yang tidak tergambar selepas selesaikan tugasannya itu walaupun tugas tersebut menyebabkan dia tidak tentu makan dan minum selama berhari-hari atau berminggu-minggu.

Jika anda tidak mempunyai perasaan sedemikian dalam melaksanakan kerja-kerja anda bermakna anda masih belum memiliki *super skill* yang sebenar. Teruskanlah berusaha mencari dan membinanya.

Untuk melakukan apa sahaja kita perlukan kesedaran diri. Ia ramuan terpenting dalam hidup ini. Kita perlu tahu di mana kelebihan kita dan belajar menguasainya.

Sedar bahawa kita boleh melukis sahaja tidak cukup untuk membina *super skill* jika kita juga, pada masa yang sama, sedar bahawa melukis tidak menggembirakan kita. Kebolehan kita dalam bertukang mungkin tidak seberapa, tetapi kita sangat seronok bila berpeluang melakukannya.

Kesedaran diri adalah kemahiran penting yang dapat meningkatkan setiap aspek kehidupan kita ketika kita belajar menguasainya.

Membangunkan kesedaran diri adalah mengenai memahami dan mempunyai pengetahuan tentang pemikiran dan perasaan kita sendiri.

Dalam senario seperti itu maka eloklah lupukan kebolehan melukis, sebaliknya berikan tumpuan membina *super skill* dalam bertukang.

Suatu masa nanti, apabila telah menjadi tukang yang berjaya, bolehlah kita tajamkan kembali kebolehan melukis, bagi membolehkan kita memiliki banyak *skill* yang berstatus ‘super’.

Jadi sebagai permulaan untuk membina *super skill*, bertanyalah pada diri anda

tiga soalan ini: Apakah yang anda boleh lakukan tanpa berhenti, yang semakin dilakukan terasa semakin seronok?

Apakah kebolehan semula jadi anda? Ia selalunya berupa sesuatu yang anda suka lakukan ketika berumur empat atau lima tahun.

Apakah sesuatu yang anda sentiasa ingin hendak lakukan? Sesuatu yang menyebabkan anda resah-gelisah jika tidak dapat melakukannya?

Jadikan jawapan kepada soalan-soalan itu sebagai petunjuk kepada bentuk *super skill* yang harus anda bina.

Tetapi cerita tentang *super skill* tidak berhenti di situ. Melawan miskin adalah perlu bersedia menjadikan diri *super skill*.

Kita akan dikenali dan dihargai dalam dunia komersil kerana *super skill* kita. Percayalah kita akan punya nilai dagang kerana *super skill* kita.

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



MERDEKA DARIPADA PENJARA MINDA

Telah banyak darah yang tumpah dengan jiwa dan cinta tiada belahan menentang gelumung gelombang yang berkurun dihadirkan penjarah segalanya demi sebuah daerah daerah bernama merdeka dan minda bernama bijaksana

Enam puluh empat tahun berlalu kita tidak lagi memerlukan darah untuk kesekian kali lagi tumpah kita tidak lagi perlu bersumpah tentang ikrar cinta kepada negara tetapi bagaimana kita menterjemah cinta dalam bentuk yang berbeza dengan minda yang lebih berusia

Kita inginkan hari ini pekat sinar matahari pagi mendewasakan daun persefahaman gerimis dan rintis hujan mengukuhkan akar perpaduan mematangkan pemahaman tentang apa makna merdeka

Kerana sebuah daerah merdeka berdiri di atasnya jiwa yang bebas bebas dari serakah nafsu dan kuasa kuasa yang bisa meruntuh binasa siling, dinding dan bumbung kemajuan yang terbina atas rentetan pengorbanan demi kedaulatan sebuah daerah merdeka demi kebebasan daripada penjara minda

**Dayang Azizah MS,
Kuching, Sarawak**

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Cemerlang 100 hari ikrar Shahidan

KHIDMAT cemerlang dalam 100 hari itu. Itu ikrar Menteri Wilayah Persekutuan (WP), Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam mengharungi cabaran menggalas amanah menerjui Kementerian WP mengantikan Tan Sri TPr Annuar Musa.

Tempoh 100 hari menjadi penanda aras Shahidan untuk kemajuan WP dan warganya.

Bagi Adi, ikrar Shahidan ketika *clock in* pada hari pertama bertugas 30 Ogos lalu, menyerlahkan komitmen beliau meneruskan kecemerlangan WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Beliau memberi jaminan meneruskan dasar sedia ada. Ertinya semua agenda yang disusun sebelum ini diteruskan, di samping pelaksanaan program-program baharu sesuai keperluan semasa.

Adi percaya ini strategi Shahidan untuk memastikan rentak pembangunan WP terus lancar.

Pada hemat Adi, ini satu pendekatan positif. Program-program baik yang telah disusun sebelum ini untuk kesejahteraan warga WP tidak harus diganggu. Jika perlu hanya buat penambahbaikan.

Pendekatan Shahidan ialah memastikan pembangunan tidak mengganggu keselesaan yang dinikmati oleh rakyat. Jika perlu penyesuaian atau ditambah baik, ia wajar dilakukan secara berfasa.

Beliau juga bertekad memperbaiki dan mempercemas perkhidmatan kepada warga WP, khususnya mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 sehingga ramai hilang pekerjaan dan terputus sumber rezeki.

Kerana itulah dalam misi 100 harinya, Shahidan turut menekankan keperluan mewujudkan peluang pekerjaan bagi golongan sasar ini dalam suasana ekonomi negara yang mencabar.

Sehubungan itu beliau akan mengadakan sesi litar urus dengan pelbagai pihak, terutama pihak yang selama ini banyak membantu menjayakan pelbagai program pembangunan di WP.

Kementerian WP sangat prihatin dengan mereka yang terkena tempias teruk COVID-19, khususnya golongan B40.

Bantuan makanan dan kewangan diberi untuk mengurangkan beban, terutama yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan. Misalnya melalui program Inisiatif Wilayah Cakna.

Di samping itu, usaha juga dibuat untuk golongan ini menceburi perniagaan. Mereka dibimbing menjadi penjaja dan peniaga. Untuk itu, Kementerian



SHAHIDAN (dua dari kiri) ketika turun padang ke kawasan PPR di Wilayah Persekutuan dan menyampaikan sendiri baki makanan kepada penduduk yang kurang berkemampuan.

WP menyediakan lebih 1,000 kios niaga dengan kadar sewa berpatutan, di dalam atau luar bangunan.

Program Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) juga diperkenalkan mulai April 2020. Warga WP diberi peluang berniaga di tempat pilihan sendiri, menjual apa yang diingini.

Saratnya perlu mendapat permit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Program ini akan berterusan sehingga Disember ini.

Apabila Shahidan berazam mewujudkan peluang pekerjaan dalam tempoh 100 hari bertugas, Adi percaya salah satu fokusnya ialah membuka lebih banyak peluang untuk para penjaja dan peniaga kecil.

Adi berpendapat, ini boleh

dilakukan dengan menambah kemudahan berniaga untuk mereka.

Misalnya jumlah lebih 1,000 kios yang diwujudkan oleh Annuar Musa sebelum ini ditambah. Lokasinya bergantung kepada budi bicara kementerian, sejarah dengan keperluan semasa.

Selain itu kembangkan program IWBB bagi membolehkan lebih ramai menyertainya.

Apabila tempoh program ini tamat pada Disember, sewajarnya ia disambung dan diteruskan. Program ini pernah disambung sebelum ini, bukti sambutan baik daripada mereka yang ingin berniaga.

Cuma yang perlu diberi perhatian ialah memastikan hanya mereka yang benar-



“ Apabila Shahidan berazam mewujudkan peluang pekerjaan dalam tempoh 100 hari bertugas, Adi percaya salah satu fokusnya ialah membuka lebih banyak peluang untuk para penjaja dan peniaga kecil. ”

benar layak dan berminat diberi peluang, baik untuk program kiosk atau IWBB.

Bagi Adi, mereka yang tidak serius dan hanya sekadar mahu mendapat lesen dan kemudian menyewakkannya untuk meraih untung atas angin, tidak perlu dilayan.

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran, Adi percaya Shahidan akan komited mencapai sasaran 100 hari bertugas dan juga sasaran jangka panjang sebagai Menteri WP.

Adi optimis bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Besar Perlis itu akan mampu memacu kejayaan WP dan keselesaan hidup warganya.

APA JADI PERBADANAN AIR WP?

TIADA air lagi! Awal bulan ini sekali lagi berlaku gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan 463 kawasan di lima daerah di Selangor dan Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya.

Puncanya Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihentikan operasi akibat pencemaran bau.

Kawasan yang terlibat di Selangor ialah di daerah Petaling (172); Hulu Langat (54), Sepang (194), dan Kuala Langat (20). Di WP Putrajaya sebanyak 23 kawasan terlibat.

Sekali pun gangguan kali ini tidak lama, isunya gangguan bekalan air tetap berterusan.

Gangguan bekalan sama ada berjadual, apatah lagi tanpa jadual, memang sangat menyusahkan pengguna, mengganggu aktiviti sehari-hari. Malah ia juga menjelaskan kegagalan ekonomi.

Setiap kali gangguan, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya pasti terkena tempias kerana kedua-duanya mendapat bekalan daripada Air Selangor. Kali ini gangguan di WP bertumpu di pusat pentadbiran negara.

Kerana itu Adi ingin tahu apa sudah jadi dengan perancangan mewujudkan pengurusan air sendiri untuk Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Air Wilayah Persekutuan (PAWP)? Masih ia berada pada landasan atau sudah tergelincir?

Cadangan penubuhan PAWP dicetuskan oleh mantan Menteri WP, Tan Sri TPr Annuar

Musa, yang mahu melihat WP mempunyai perbadanan air sendiri tanpa terlalu bergantung kepada Selangor.

Langkah ini untuk memastikan jika berlaku gangguan melibatkan Air Selangor, WP tidak terjejas. Sudah terlalu lama WP bergantung kepada Air Selangor.

Jika berlaku gangguan bekalan air sudah pasti WP tidak dapat lari daripada sama menanggung akibat.

Perbadanan Air WP akan membolehkan WP memiliki dan menguruskan bekalan air sendiri, sekali gus meletakkannya setara dengan negeri-negeri lain yang memiliki perbadanan air masing-masing.

Oleh itu Adi berharap cetusan idea Annuar Musa ini tidak dibiarkan tersimpan lama tetapi diusahakan sehingga berjaya. Adi percaya penggantinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim akan meneliti perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya agar PAWP segera menjadi kenyataan.

Kewujudannya kelak bukan sahaja menjadi kebanggaan warga WP tetapi juga menjadi bukti WP mampu berdikari dalam aspek pengurusan dan pembekalan air, terutama bagi Kuala Lumpur sebagai nadi ekonomi negara dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Persekutuan.

Malah sebenarnya jika WP mempunyai bekalan air sendiri, ia juga boleh menjadi ‘pembantu’ seandainya berlaku apa-apa masalah kepada bekalan Air Selangor.

Sekurangnya-kurangnya ia boleh menyalurkan bantuan air ke kawasan di Lembah Klang.

Kerana itu Adi berharap PAWP akan segera dijelmakan. Mungkin ia mengambil masa tetapi yang penting dimulakan.

Langkah permulaan itulah yang akan membolehkan matlamat akhir dicapai.

- Adi Tuah

Adi Tuah



JAMBATAN I

Kata tubuh pada jambatan izinkan aku menumpang teduh suasana galak menghimpitku.

Jambatan tersenyum katanya ke marilah dalam rangkulanku patutkah aku ingkar pada tubuh yang mewujudkanku bertahun lalu.

Ben Adak
Putrajaya
Ogos 2021

Jumlah kemasukan dan tempoh keberadaan dihadkan

MINTS kembali dibuka - YWP



AINI MAWAWI

PENGHUNI projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) di Kuala Lumpur terutamanya pelajar boleh kembali menggunakan



ruang pembelajaran di Mini Terminal Sejahtera (MINTS) setelah ia ditutup sementara waktu akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun**, pelajar boleh menggunakan kembali ruang tersebut seperti biasa namun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan.

"Mereka boleh memasuki ruang tersebut namun perlu mengikuti SOP yang ketat antaranya perlu mengimbas terlebih dahulu kod QR MySejahtera dan memeriksakan suhu badan sebelum memasuki



KANAK-KANAK menghabiskan masa dengan mengulangkaji pelajaran di MINTS. - Gambar sebelum pandemik COVID-19.

premis.

"Selain itu kita juga mengehadkan jumlah pelajar supaya dapat memastikan jarak fizikal di dalam ruang tersebut dipatuhi. Tempoh masa yang dibenarkan setiap daripada mereka adalah sekurang-kurangnya satu jam namun terpulang kepada keadaan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, selain daripada mengulangkaji pelajaran di MINTS, kebanyakan daripada

da mereka yang datang bertujuan untuk mencetak serta fotokopi salinan bahan pembelajaran yang diberi guru.

"MINTS amat membantu para pelajar di PPR dan PA ini untuk menyelesaikan tugas mereka. Alhamdulillah apabila kembali dibuka, ia sedikit sebanyak meringankan serta memudahkan urusan mereka," ujar beliau.

Kata Zaizalnizam lagi, operasi MINTS berjalan seperti biasa se-

Info ADUAN

PERTIWI

WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku

WhatsApp
: 011-5958 7489

REAKSI komuniti Wilayah Persekutuan

MESKIPUN Hari Kemerdekaan sudah berlalu, semangat patriotik warga Wilayah Persekutuan tetap utuh dan sebatas dalam diri. Tambahan pula negara bakal menyambut Hari Malaysia pada 16 September ini.



SEBELUM ini, sambutan kemerdekaan meriah. Disebabkan wabak COVID-19, ia tidak dapat dilakukan, namun Blok 29, PPR Sri Perak,

Bandar Baru Sentul meraikannya dengan cara tersendiri yang lebih menarik dan ia akan diteruskan untuk Hari Malaysia nanti."

SOH LEY CHOO

SEMANGAT patriotik tetap utuh walaupun negara dilanda wabak. Kitaknak merdeka dari COVID-19. Diharapkan, tahun-tahun mendatang akan kembali seperti sedia kala supaya masyarakat dapat berkumpul."

SITI FATIMAH ABDUL AZIZ

SAYA hanya mengharapkan negara terus aman dan masyarakatnya bersatu padu tanpa mengira kaum maupun agama."



HABSAH ARIFFIN

SEGETIR manapun keadaan semasa negara, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia sepertutnya diraikan. Jika ia tidak boleh dilakukan seperti sebelumnya, raikanlah dengan cara tersendiri."

HAMZAH BAKAR

BX150 ditambah baik dengan ciri penjimatan brek

NAZWIN NAZRI

MENGEKALKAN kesederhanaan, BX150 yang hadir dalam tiga varian tetap memiliki reka bentuk klasik dan mewah.

Selepas melancarkannya kira-kira tiga tahun lalu, pihak MForce melakukan penambahbaikan dari segi penampilan dan corak.

MForce Bike Holdings Sdn Bhd dalam satu kenyataan memaklumkan, ketiga-tiga model berkenaan dilengkapi dengan enjin 149cc, empat lejang, SOHC yang berkuasa menghasilkan 11Hp pada 8,000rpm dan 11.9NM pada 6,000rpm.

"Model yang menggunakan suntikan bahan api ini turut dipadankan bersama transmisi lima kelajuan.

"Ketiga-tiga varian ini menggunakan fork hadapan teleskopik dan di belakang terdapat dua penyerap hentak

dengan sepasang cakera brek bagi membantu dengan daya hentinya," katanya.

Menambahkan lagi ciri keselamatan, ujarnya, kini brek hadapan dan belakang menggunakan sistem brek bergabung (CBS) iaitu antara ciri yang menjimatkan untuk sistem brek yang selamat.

Selain itu, katanya, antara elemen yang menjadikan tunggangan Brixton BX150 mudah dan selesa adalah tempat duduk rata serta lebar di samping memiliki dimensi yang sempurna.

"Keadaan itu membuatkan pengguna lebih yakin semasa menunggang. Koleksi BX150 juga membawa tangki bahan api sebanyak 14 liter di mana ia mampu mengembala jauh dari yang dibayangkan.

"Pada bahagian kokpit, terdapat meter analog yang digabungkan dengan speedometer digital yang mudah difasir dan difahami.

"Setiap jenis Brixton ini dijual

pada harga asas dan warna yang berlainan. Harga jualan untuk model BX150 bermula dengan RM10,488 (hitam dan hijau gelap), RM10,788 (hitam matte dan kelabu matte) untuk scrambler BX150X manakala RM11,088 (merah dan kelabu) untuk BX150R," jelasnya.

Tambah kenyataan itu, dengan setiap pembelian mana-mana model Brixton BX150, pembeli boleh menikmati jaminan pengeluar selama dua tahun atau jarak perjalanan 20,000 kilometer (yang mana tiba dahulu) dan perkhidmatan pembelian alat ganti tulen atas talian MForce Bike Holdings Sdn Bhd.

Untuk makluman, model ini hadir dalam tiga varian iaitu BX150 standard memiliki penampilan klasik, BX150X merupakan jenis scrambler manakala BX150R pula merupakan gaya café racer. WK

REALITI KEHIDUPAN

RidaKota

10 - 16 SEPTEMBER 2021 . BIL 132

Wilayah Ku



Tangga Putrajaya Steps

ikon pelancongan terkini



TANGGA
PUTRAJAYA
STEPS



Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA sememangnya merupakan destinasi pelancongan popular yang menjadi tumpuan pelancong di dalam dan luar negara. Selain keunikan reka bentuk bangunannya, keindahan landskapnya turut menjadi tarikan utama.

Dibangunkan dengan berkonsepkan bandar dalam taman, ia mempunyai 13 buah taman awam utama yang unik sekali gus berjaya menarik ramai pengunjung ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Terkini, Putrajaya bakal mempunyai tarikan baharu iaitu Tangga Putrajaya Steps yang akan memberi nilai tambah sebagai destinasi pelancongan khususnya dalam aspek



MUHAMMAD AZMI

eko-pelancongan.

Dilahamkan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annur Musa, pembinaan Tangga Putrajaya Steps adalah bersempena dengan 25 tahun Sambutan Jubli Perak Putrajaya.

Dibina di atas cerun menuju ke Mercu Tanda di Taman Putra Perdana, Tangga Putrajaya Steps mewujudkan kesinambungan laluan pejalan kaki dari Dataran Putra melalui Laman Perdana naik ke mercu tanda di Taman Putra Perdana seterusnya ke Hotel Pulse Grande.

Ita dapat dilihat sebagai satu paksi lurus (axis) yang menghubungkan kawasan tumpuan pelawat iaitu di Dataran Putra untuk ke mercu tanda berkaitan dan ke Hotel Pulse Grande yang terletak di Taman Putra Perdana. Dengan ketinggian anggaran



MUHAMMAD AZMI (kiri) mengiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (tengah) ketika lawatan tapak Tangga Putrajaya Steps baru-baru ini. Hadir sama isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah M Yassin.

30 meter dan jarak pendakian sejauh 200 meter, binaan tangga itu diinspirasikan dari beberapa tangga ikonik dunia seperti Spanish Steps di Itali, Potemkins Stairs di Ukraine dan tidak kurang juga Batu Caves, Malaysia.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, pembinaan projek tangga tersebut telah 80 peratus siap dan akan mula dibuka kepada pengunjung bermula 1 Oktober depan.

“Alhamdulillah, sedikit masa lagi ia akan siap sepenuhnya dan akan menjadi salah satu produk pelancongan serta lokasi rekreasi terbaru Putrajaya yang menghubungkan Dataran Putra ke kawasan tumpuan di Taman Putra Presint 1,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, selain direka khusus untuk pendakian dan penurunan, ia juga dibina dengan struktur, fasiliti serta peralatan yang membolehkan pengunjung melakukan aktiviti bersukan, beriadah maupun rekreasi secara santai di

sepanjang binaan sambil menikmati panorama indah Putrajaya.

BAKAL JADI TANGGA IKONIK PELANCONGAN

Biar pun negara sedang berdepan dengan pandemik COVID-19 namun usaha untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi yang unggul dengan pelbagai aktiviti serta tarikan dan produk pelancongan yang baharu dan inovatif tidak pernah terhenti.


Malah, Muhammad Azmi berkata, ia selari dengan aspirasi ‘Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin’ di bawah Cakna Keindahan.

“Pembinaan tangga ini dijangka akan menarik penambahan pengunjung ke Putrajaya untuk melihat sendiri reka bentuk menarik binaan sekali gus kita akan menjadikannya sebagai tangga ikonik dan lokasi tumpuan pelancong di Putrajaya. Kedudukannya juga amat strategik iaitu di Taman Putra Perdana.

“Seperti yang diketahui, Taman Putra Perdana mempunyai tarikannya yang tersendiri di mana terletaknya mercu tanda pertama yang berketinggian 20 meter telah dibina bagi melambangkan titik permulaan pembangunan daripada sebuah ladang berkembang menjadi sebuah Wilayah Persekutuan. Selain itu, terdapat dua buah bangunan ikonik Putrajaya di dalam taman tersebut iaitu Istana Melawati dan Hotel Pulse Grande Putrajaya,” ujar beliau.

Tambah Muhammad Azmi, produk terbaharu itu juga dijangka dapat menambah jumlah pengunjung ke Putrajaya jika sektor pelancongan dibuka semula pada masa akan datang.

“Ini kerana sepanjang penularan wabak yang bermula awal tahun lalu, kedatangan pelancong mahupun pengunjung acara mencatatkan hampir 80 peratus penurunan berbanding 2019 apabila yang mana daripada jumlah itu, lebih 500,000 terdiri daripada pelancong,” kata beliau. **WK**



PELAN lokasi Taman Putra Perdana.

'Putrajaya is not just a town'



Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

SELAIN dilihat sebagai pusat pentadbiran negara, Putrajaya juga merupakan antara destinasi wajib singgah bagi pelancong yang datang dari luar mahupun dalam negara.

Kelebihannya bukan sahaja terletak pada keunikan reka bentuk serta keindahan ukiran bangunan dan jambatannya, bahkan keindahan lanskap taman dan tasik turut memberi kepuasan kepada pelancong.

Terkini, Putrajaya bakal diserikan dengan tarikan terbaru iaitu Tangga Putrajaya Steps yang diinspirasikan dari beberapa tangga ikonik yang mahsyur di dunia.

Mengakui hal tersebut, salah seorang warga komuniti Putrajaya, Zainudin Malek berkata, Putrajaya bukan sekadar bandar biasa (Putrajaya not just a town) ia diibaratkan seperti jantung Malaysia.

"Ia adalah lambang inspirasi Malaysia untuk meletakkan negara kita ini sebagai salah satu tamadun Melayu yang hebat dan terkenal di dunia setara dengan negara-



ZAINUDIN

negara lain," ujar beliau kepada Wilayahku.

Kata beliau, lokasi tangga tersebut yang strategik di Taman Putra Perdana di mana terletaknya dua buah bangunan ikonik Putrajaya iaitu Istana Melawati dan Hotel Pulse Grande dilihat amat sempurna.

"Prasarana berkonsepkan pelancongan rekreatif dan aktiviti riadah di Putrajaya sudah semestinya akan menjadi tumpuan ramai. Lebih-lebih lagi persekitaran taman yang penuh kehijauan mampu memberikan ketenangan kepada setiap pengunjung," ujar bekas Penolong Pegawai Perancang Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) ini lagi.

Tambah beliau lagi, diharapkan dengan pembinaan tersebut yang bakal siap sepenuhnya tidak lama lagi, ia akan menjadi nilai tambah eko pelancongan yang berharga bagi Putrajaya.

Malah beliau juga yakin ciri-ciri pembinaannya adalah seimbang dari segi hubungan antara Pencipta dan manusia, manusia dengan manusia serta manusia dan alam sekitar. Tiga komponen utama itu amat penting untuk membentuk Putrajaya menjadi salah satu bandar yang akan membawa



ILUSTRASI cadangan pembinaan tangga

kebanggaan kepada warga Putrajaya dan Malaysia.

"Saya juga berharap agar pembinaan tersebut diselitkan dengan ciri-ciri tradisional kerana bagi saya reka bentuk adalah amat penting. Sebagai contoh, ciri senibina tangga Melaka yang terkenal sejak zaman berzaman yang merupakan antara elemen dalam masyarakat Melayu yang tak pernah lalu dek zaman.

"Putrajaya adalah mercu tanda

keagungan bangsa Malaysia. Lebih 20 tahun Putrajaya dibangunkan. Banyak lagi perkara yang perlu dicapai dari pelbagai segi.

Semuanya tidak mustahil untuk dicapai. Hari ini membuktikan Putrajaya dikenali ramai bukan sahaja dalam kalangan rakyat Malaysia tetapi dunia," ujarnya.

Tambah beliau lagi, diharapkan fasiliti yang ada sentiasa dijaga dengan baik bukan sahaja oleh pihak bertanggungjawab bahkan

masyarakat juga perlu peka dengan keadaan sekeliling.

"Bukan mudah untuk membangunkan satu bandar yang terancang seperti ini. Jadi, sebagai rakyat Malaysia kita sepatutnya amat menghargai semua yang ada di sini dan berusaha untuk mempertahankannya. Tidak kira siapa pun kita namun jika ada sikap bertanggungjawab maka semuanya akan terjaga dengan sempurna," ujar beliau lagi. **WK**

'Reaksi'

Diana Amir dan Sabrina Sabre



"TANGGA Putrajaya Steps yang dibangunkan ini amatlah baik kerana selain menjadi tumpuan pelancong, ia juga bakal menjadi ikon baharu Putrajaya. Sejurnya saya juga tidak sabar untuk berkunjung ke sana apabila ia dibuka kelak."

ASYRAF SUID, 27
Petani

"SEMESTINYA ia menjadi salah satu tarikan pelancong dari luar



"AMIR

"TANGGA Putrajaya Steps yang dibangunkan ini amatlah baik kerana selain menjadi tumpuan pelancong, ia juga bakal menjadi ikon baharu Putrajaya. Sejurnya saya juga tidak sabar untuk berkunjung ke sana apabila ia dibuka kelak."

AMIR AMRAN, 23
Pembantu Produksi



"SEBAGAI penduduk Putrajaya saya tidak sabar melihat keunikan tempat indah untuk mencipta MUHAMMAD HAIRUL HELMI YAACOB, 23
Wartawan

memori. Lebih mengagumkan ia adalah inspirasi dari tangga-tangga ikonik dunia seperti di Batu Caves dan beberapa lokasi lain. Saya juga berharap fasiliti lengkap turut disediakan di sekitar kawasan tersebut."

MUHAMMAD HAIRUL HELMI YAACOB, 23
Wartawan

"PUTRAJAYA Steps ini memang unik untuk dikunjungi sebagai tempat riadah dengan adanya 248 anak tangga. Pun begitu, diharapkan tempat pelancongan ini disertai dengan fasiliti yang lengkap



ANAS

seperti kamera litar tertutup dan lampu isyarat terutamanya dari depan Jabatan Perdana Menteri ke Putrajaya Steps kerana laluan di situ agak sibuk dengan kenderaan yang boleh membahayakan pengunjung."

ANAS, 37
Ejen Coway



AISYAH NATASHA

"SAYA sangat berbangga dengannya dan bakal menjadikan ia tempat yang wajib dikunjungi tambahan pula laluan saya untuk ke pejabat akan melalui Putrajaya Steps ini. Meskipun masih dalam proses pembinaan namun saya sudah menjadikan ia lokasi tumpuan



SITI NUR AAINAA NAJIHAH

"SAYA baru sahaja mengetahui tentang ikon baharu ini melalui laman Twitter Putrajaya. Putrajaya bakal mempunyai satu daya tarikan baharu yang sesuai dikunjungi bersama keluarga untuk melakukan aktiviti riadah, mengambil gambar dan sebagainya."

SITI NUR AAINAA NAJIHAH SAIDIN, 24
Eksekutif



SHAHIDAN (dua kiri) bersama Jalaluddin meninjau sekitar Flat Sri Lempah sebelum mengagihkan bakul makanan.



Menteri turun padang agih bakul makanan



NAZIRUL ROSELAN

SERAMAI 15,000 penduduk di Wilayah Persekutuan akan merasa lega dengan lancarnya MyFood@ Wilayah bermula minggu ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Sri Dr Shahidan Kassim** dan Timbalannya **Datuk Seri Jalaluddin Alias**

turun sendiri ke Flat Sri Lempah Taman Desa untuk menyampaikan sendiri bakul makanan tersebut.

Komitmen yang ditunjukkan oleh Menteri dan Timbalan Menteri mendapat pujian dari penduduk Flat Sri Lempah dan Teratak Muhibbah yang sanggup turun sendiri ke penempatan penduduk untuk menyerahkan bakul makanan.

Dengan inisiatif ini, penduduk merasakan inisiatif ini dapat meringankan beban penduduk yang rata-rata berada di dalam golongan B40 dan ada yang bekerja sendiri. **WK**





SHAHIDAN dan Jalaluddin menyampaikan bakul makanan kepada penduduk yang terkesan dan kurang berkemampuan.

Zebra Studio, Tremendous Entertainment terbit filem bertaraf antarabangsa



DEEL ANJER

KOLABORASI Zebra Studio dan Tremendous Entertainment dijangka dapat memulihkan industri filem tempatan apabila bakal menghasilkan 12 filem dalam tempoh 24 bulan akan datang.

Menurut Pengurus Tremendous Entertainment, **Datuk Jared Lim**, usaha tersebut diharapkan dapat membaik-pulihkan industri profileman tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Tremendous Entertainment adalah syarikat terkemuka dalam penghasilan konten hiburan di kedua-dua ruang pentas dan media.

"Dengan kekurangan kandungan hiburan dalam keadaan pandemik,

kami mengambil kesempatan ini untuk fokus kepada industri media dalam tempoh 18 bulan ini.

"Penghasilan filem-filem dengan kerjasama Zebra Studio ini adalah sebahagian daripada strategi pertumbuhan kami untuk memanfaatkan bakat dan infrastruktur yang lebih mantap di Malaysia bagi menghasilkan filem bertaraf antarabangsa," jelasnya.

Beliau berkata, perjanjian yang dibuat itu menuju kepada visi mereka untuk memperluaskan Tremendous ke arah pendigitalan ketika beralih dari pameran acara 'stage play' untuk menghasilkan kandungan media digital dan sekarang ke filem.

"Kami teruja dapat bekerjasama dengan CL Hor dan Sara Nattaya Azmi dari Zebra untuk menghasilkan dan membuat filem-filem ini dengan

niat mempamerkannya kepada dunia, kerana kami percaya bahawa kandungan yang dihasilkan Malaysia berpotensi tinggi untuk berjaya di peringkat antarabangsa," jelasnya lagi.

Sementara itu, Pengasas, Pengarah dan Penerbit Eksekutif Zebra Studio, Saraleana Nattaya Azmi berkata, Tremendous Entertainment adalah salah satu syarikat hiburan terkemuka di Asia Pasifik yang telah menghasilkan dan mempersempadkan beberapa tajuk hiburan paling terkenal di dunia.

"Dengan usaha sama ini, kami berharap penghasilan 12 filem ini dapat membantu membina semula dan memudahkan pemuliharan industri profileman tempatan yang membolehkan kami bersama-sama mencipta lebih banyak kandungan global."

"Ia bertujuan untuk mendapatkan sorotan antarabangsa mengenai filem dialek khas seni dan budaya Malaysia serta memberi peluang kepada seniman tempatan kita untuk berjaya di peringkat global," jelasnya.

Ujarnya, Tremendous Entertainment dan Zebra Studio akan menghasilkan lima filem dialek Melayu di sekitar Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan dan Selangor serta empat filem tempatan dialek Cina yang difokuskan di Perak, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur.

Di samping itu, beliau menyatakan akan ada tiga filem tempatan berbahasa Inggeris yang akan dihasilkan bersama dan

difilemkan di negara jiran termasuk Korea, China, Indonesia, India dan banyak lagi.

"Filem pertama dari 12 filem telah selesai dan penggambaran untuk filem kedua akan bermula pada September ini dengan penerbitannya bermula Oktober 2021," ujarnya. **W.K**



Amir Masdi mahu masyarakat bangkit

MAHU masyarakat terus bangkit dan kembali bersemangat dalam keadaan pandemik COVID-19, penyanyi Amir Masdi menyampaikan mesej berkenaan melalui lagu terbarunya berjudul *Esok*.

Menurut Amir Masdi atau nama sebenarnya **Amir Syazwan Masdi**, 25, lagu ciptaan bersama Shazee Ishak dan Audi Mok ini diharapkan boleh membantu dalam melaikan keresahan rakyat.

"Lirik lagu ini mengikuti konsep dan idea daripada saya sendiri. Saya mahu sampaikan sesuatu yang boleh memotivasi diri dan memberi semangat. Sebab sekarang semua orang berada dalam suasana suram akibat pandemik yang berpanjangan."

"Jadi, menerusi lirik lagu ini saya nak pujuk hati dan menenangkan orang. Shazee faham apa saya cuba sampaikan dan dia yang menulis liriknya. Saya pula tidak begitu mahir dalam penulisan lirik lagu, itu sebab saya minta tolong dia."

"Lagu *Esok* sudah disiapkan sejak awal tahun ini. Kebetulan saya juga ada beberapa lagu lain untuk dilancarkan sebagai *single* terbaru."

"Malah, ikut perancangan asal nak keluarkan lagu yang

muziknya lebih *up beat*. Tapi selepas berbincang dengan pasukan, semua sepakat untuk lancarkan lagu *Esok dulu*," katanya yang sebelum ini pernah popular menerusi lagu *Puas*, *Kau Sakiti* dan *Asmara*.

Lagu *Esok* bergenre rock moden terbitan syarikat rakaman Nova Music itu sudah dirakam sejak awal tahun ini lagi.

Menurut Amir, genre muzik yang diketengahkan itu sudah menjadi penanda aras muzik yang dibawakannya selain berjaya menambat hati peminatnya.

"Genre muzik ini saya tetapkan sebab berasa hala tuju muzik saya orang sudah mula kenal dan terima. Peminat sudah tahu saya penyanyi genre ini."

"Kalau lagu berentak perlahan pun macam *slow ballad*, saya tambah elemen bersesuaian untuk menjadikannya lebih *modern rock*.

"Macam lagu *Esok* ini, pada asalnya nak piano saja, tapi apabila fikir balik ia tak berapa kuat dan menarik. Jadi saya kembali ke perancangan asal," katanya.

Amir juga mengakui, pembabitannya pada pentas Anugerah Juara Lagu ke-35 (AJL) dulu berjaya menonjolkan bakat nyanyian dimiliki.

"Bagi saya AJL membuat saya dapat peminat baru. Sejak itu juga, orang sudah mula mengenali siapa itu Amir Masdi."

"Sekalipun dah berjaya memasuki AJL, tidak bermakna saya perlu berehat kerana sudah berada di pentas itu. Sebaliknya, saya perlu terus berusaha tingkatkan lagi pencapaian di masa hadapan dan berazam nak menang pula."

Berkongsi mengenai imej dibawa, Amir berkata dia selesa dengan berambut panjang.

"Ada yang tegur kerana perubahan ketara dan nampak lebih rock, mungkin sebab penampilan dan rambut. Ini akan menjadi imej tetap. Kalau jumpa idea baru, ia akan bertukar," katanya.



AMIR MASDI



Diana Amir, Fara Fauzana ajak peminat hayati kisah Nabi

SELEBRITI terkenal Diana Amir dan Fara Fauzana berharap tayangan kisah-kisah Nabi menerusi platform digital *Nurflix* boleh dijadikan contoh buat semua penonton.

Bermula 10 Ogos lalu, dua siri animasi *Habibullah* dan *Kalimullah* yang disiarkan menerusi *Nurflix* telah mula dipertontonkan kepada umum dan rata-ratanya merasakan kandungan siri sebegini sangat sesuai untuk seisi keluarga.

Menurut Penerbit Eksekutif *Nurflix Junior*, **Diana Amir**, dia bersyukur kerana siri-siri kenabian ini mula mendapat perhatian bukan sahaja golongan kanak-kanak malahan juga dewasa.

"Dengan adanya sari kata Bahasa Melayu dalam siri ini, penonton secara tidak langsung dapat mempelajari Bahasa Arab dengan lebih mudah dan menyeronokkan. Visual yang menarik dan menghiburkan juga mampu membuatkan penonton lebih mudah memahami naratifnya."

"Terdapat banyak fakta menarik yang selalunya jarang diketengahkan. Misalnya Abdul Mutalib digelar *Shaybah* kerana dari kecil sudah ada uban di kepalanya."

"Selain itu, siri ini mengetengahkan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh keperibadian mulia yang wajib menjadi ikutan umat Islam sebagaimana ayat 21 Surah Al-Ahzab yang bermaksud 'Adalah pada diri Rasulullah s.a.w. itu suri tauladan yang baik,' jelasnya."

Manakala penyampai radio Hot FM, **Fara Fauzana** pula mengganggap cara penyampaian mesej dalam siri animasi ini akan membuatkan kanak-kanak tidak jemu menonton.

"Melalui siri animasi *Habibullah* dan *Kalimullah* ini, dari sudut video animasi dan penceritaan, bukan sahaja sesuai untuk anak-anak kecil tetapi juga untuk dewasa. Memang akan layan habis dan kita akan teringat balik apa yang pernah dibaca," ujar Fara Fauzana.

Siri animasi *Habibullah* dan *Kalimullah* yang disiarkan bermula Ogos lalu hingga Oktober ini menerusi *Nurflix*, memaparkan kisah Nabi Adam AS, Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Yusuf AS dan Nabi Sulaiman AS.

Siri animasi *Habibullah* ini merupakan kisah perjalanan kehidupan Rasulullah SAW yang akan membawa kita menelusuri sirah nabawiyah secara santai dan menghiburkan.

Siri animasi *Kalimullah* pula mengisahkan tentang hidup Nabi Musa AS, yang disebut 'Speech of God'. Rentetan siri ini dimulai sebelum kelahiran Nabi Musa AS, mengetahui bagaimana Bani Israel sampai di tanah Mesir, kemudian peringkat setelah kelahiran dan kemudian asuhannya sehingga kepada peristiwa yang terjadi antara Nabi Musa AS dan Firaun.

Jangan lupa muat turun *Nurflix* di Apple AppStore dan juga Google Playstore atau layari di <https://nurflix.tv/> dan subscribe untuk dapatkan kandungan islamik yang menarik.

Semangat juang atlet luar biasa dalam empat filem



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

SUKAN Paralimpik Tokyo baru sahaja melabuhkan tirainya. Prestasi atlet juga sangat mengagumkan apabila berjaya membawa pulang tiga pingat emas dan dua pingat perak.

Emas pertama yang disumbangkan oleh Bonnie, atlet powerlifting membuka mata rakyat Malaysia bahawa mereka juga tidak kurang hebatnya meskipun kelainan upaya.

Kali ini *Wilayahku* senaraikan antara filem yang diinspirasi dari kisah benar atlet paralimpik buat tontonan anda. Semoga filem ini akan membuatkan anda untuk kekal menyokong atlet para kita di pertandingan yang lain. **W K**

#1 Garang

Pengarah: T. Kanageswaran
Pelakon: Pablo Amirul, Izam Abdul Hamid, Jalil Hamid

BERKISARKAN bekas atlet paralimpik, Izam dalam acara sukan lumba kerusi roda sehingga peringkat ke antarabangsa. Izam pernah mewakili Malaysia sehingga ke Jepun dan Korea sekitar tahun 1998-2005.

Garang mengisahkan Izam, atlet paralimpik dalam acara lumba kerusi

roda. Satu insiden yang berlaku pada Izam telah menimbulkan sengketa antara Jasmin dan Reza yang juga merupakan insan luar biasa yang handal berkerusi roda.

Persekutuan ini telah memaksa Jasmin meminta pertolongan dari tiga sahabat lamanya. Siapakah mereka? Mampukah tiga sahabat ini merungkai segala konflik yang sedang berlaku?



#3 On Your Mark

Pengarah: Chiu Keng Guan
Pelakon: Wang Yanhui, Zhang Youhao, Gong Beibi

DIINSPIRASIKAN daripada kisah benar atlet yang berjaya menempa nama dalam arena sukan seperti Thomas Panek dan David Brown, kedua-duanya adalah atlet pelari cacat penglihatan.

On Your Mark mengisahkan tentang seorang anak muda, Xiao Erdong bercita-cita untuk menjadi pelari maraton seperti ibunya.

Namun, cita-citanya dihalang oleh bapanya Xiao Daming kerana tidak mahu melihat anaknya kecewa mengenangkan Xio Erdong berkemungkinan mewarisi sindrom buta seperti ibunya yang telah meninggal dunia.

Namun, Xiao Erdong curi-curi melihat dan berlatih di luar padang tanpa pengetahuan bapanya. Bagaimanapun, ketika cuba melayakkan diri dalam pertandingan, Xio Erdong telah terjatuh dan mimpi ngeri bapanya menjadi kenyataan apabila Xio Erdong disahkan buta.

Karya hebat ini mempunyai elemen penghayatan yang cukup mendalam tentang semangat juang dan pengorbanan seorang ayah.



#2 Eye On The Ball


Pengarah: Yih Wen Chen
Pelakon: Sunny Shalesh, Asri Arshad, Azwan Azhar

FILEM dokumentari sukan ini menyingkap kisah sebenar pasukan bola sepak buta kebangsaan Malaysia dan perjalanan mereka dalam Sukan Para ASEAN 2017.

Menampilkan pemain Asri Arshad, Azwan 'Kenchot' Azhar serta Rollen Marakim membuat keputusan meninggalkan keluarga dan merantau ke ibu negara bagi merebut tempat dalam kesebelasan utama pasukan kebangsaan yang dibimbing jurulatih berpengalaman Sunny Shalesh.

Namun pasukan kebangsaan itu sendiri dihimpit dengan pelbagai cabaran. Skuad yang diberi gelaran Harimau Buta tersebut perlu mempertahankan kejuaraan mereka di Sukan Para ASEAN 2017, Kuala Lumpur dan melayakkan diri ke Kejuaraan Bola Sepak Orang Buta Dunia.

Ini adalah satu tugas besar, namun mampukah mereka mencapai matlamat dan harus bertanding menentang jaguh dunia di pentas antarabangsa.



#4 Luar Biasa

Pengarah: Tunku Mona Riza
Pelakon: Rykarl Iskandar, Idan Aedan

MEMBAWA kisah benar mengenai pemenang pingat emas Paralimpik, Mohamad Ridzuan Puzi atau lebih dikenali dengan panggilan Dek Wan yang menghidapi penyakit 'Cerebral Palsy' dan abangnya, Saiful @ Abang Pun yang sentiasa ada di sisinya.

Selepas beberapa minggu kelahiran, Dek Wan mengalami penyakit demam kuning dan demam panas. Hal ini menyebabkan perubahan drastik terhadap diri beliau.

Doktor mengesahkan beliau menghidap

penyakit 'Cerebral Palsy' dan segalanya kini berubah. Dek Wan kehilangan keupayaan untuk bercakap, berjalan dan mengimbang, serta keadaan fizikal yang berbeza berbanding kanak-kanak yang lain.

Saiful @ Abang Pun yang hanya satu tahun perbezaan umur dengan Dek Wan adalah satu-satunya abang dan sahabat Dek Wan. Mereka sentiasa bersama dan seperti yang selalu dikatakan Abang Pun, tidak kira apa yang terjadi, sebagai adik-beradik, mereka akan sentiasa bangkit bersama.

Luar Biasa menggambarkan kehidupan Dek Wan bersama abangnya, Saiful yang ketika itu masih berusia belasan tahun.



Lima menu diet sihat



SABRINA SABRE

Bagi yang berdiet dan penggemar sayur-sayuran, sama ada dicelur atau dimakan mentah dengan dressing bersesuaian, kombinasi sayur yang lazat dan rangup pasti mengenyangkan anda. Edisi kali ini Wilayahku kongsikan idea menu diet sihat buat mereka si pengamal diet. Sekejap je dah siap! Cuba tau. **W.K.**

Ho Chi Minh Spring Roll

BAHAN-BAHAN

170 gram suun dicelur
6 ekor udang dicelur
12 keping kulit popia dicelur

BAHAN INTI

1/2 kubis Cina dihiris halus
200 gram lobak merah dihiris halus
200 gram timun dihiris halus
200 gram saderi dihiris halus
200 gram salad Cina dihiris halus
50 gram parsli Cina dihiris halus
50 gram selasih Thai sehelai-helai

BAHAN-BAHAN

50 gram daun ketumbar dihiris halus
50 gram taugeh

BAHAN SOS

1/2 sudu teh sos ikan
1/4 sudu teh gula
1 ulas bawang putih
2 biji cili padi
Air panas secukupnya

CARA PENYEDIAAN

1. Celur suun dalam air mendidih dan terus tos. Kemudian celurkan udang dalam air mendidih sehingga masak. Kulit pop ia diren dam air biasa hingga lembut.

celurkan udang dalam air mendidih sehingga masak. Kulit pop ia diren dam air biasa hingga lembut.

2. Kemudian sediakan dan susun bahan inti di dalam dulang.
3. Susun dan tebarkan kulit pop ia letakkan 2 ekor udang sedikit suun, daun selasih, taugeh, lobak merah, saderi, daun ketumbar dan salad cina dalam setiap popia. Biarkan sedikit ruang kosong di kedua hujung kulit popia untuk membalut.
4. Gulung atau balut ikut kreativiti anda.
5. Di dalam mangkuk kecil campurkan sos ikan, air panas, bawang putih, gula dan cili padi. Jika suka anda boleh masukkan kacang tumbuk.



Urap Pegaga Selom dan Taugeh

BAHAN-BAHAN

1 kg taugeh
1 kg daun pegaga dihiris kasar
1 kg daun selom dihiris kasar
40 sudu makan udang kering dikisar halus
50 sudu makan cekur dikisar halus
100 biji bawang besar dikisar halus
40 biji bawang putih dikisar halus
100 tangkai cili kering direbus dan dikisar
1 kg kelapa parut
Garam secukup rasa
Gula secukup rasa

CARA PENYEDIAAN

1. Tumis bahan kisar hingga naik bau dan wangi, masukkan kelapa parut dan perasakan dengan garam dan gula secukupnya.
2. Sejukkan bahan tumis seketika.
3. Sementara itu masukkan semua bahan hirisannya dalam mangkuk besar.
4. Kemudian masukkan bahan urap yang telah disejukkan tadi.
5. Gaul rata dan sedia dihidangkan.



Rojak Betik

BAHAN UNTUK ROJAK

1/2 biji betik muda diparut
1/2 biji nenas dihiris nipis
1 biji timun dihiris nipis

BAHAN UNTUK KUAH

6 ekor ikan kembung direbus dan dikisar
750 ml air
3 sudu makan cuka
2 ketul gula melaka
5 1/2 sudu makan cili böh
5 sudu makan gula
2 sudu makan belacan
6 biji cili padi
Garam secukup rasa

CARA PENYEDIAAN ROJAK

1. Parut betik dan rendam dalam bekas berisi air.
2. Hancurkan kapur makan dengan sedikit air. Tapiskan dan masukkan dalam rendaman betik.
3. Rendam 15 minit, bilas dan toskan.
4. Hiris nipis timun dan nenas.

CARA PENYEDIAAN KUAH

1. Masukkan ikan yang telah ditumbuk lumat isinya ke dalam periuk.

2. Kemudian ambil periuk lain dan masukkan kesemua bahan dan masak sehingga mendidih.
3. Masukkan 2 atau 3 senduk kuah ke dalam isi ikan yang ditumbuk dan gaul sebatik. Kemudian barulah tuang isi ikan ke dalam periuk kuah dan biarkan mendidih.
4. Akhir sekali masukkan garam dan gula secukup rasa.
5. Tuangkan kuah ke atas bahan rojak. Rojak betik sedia dinikmati.



Kerabu Diy The Pearl

BAHAN-BAHAN

1 biji mangga muda dihiris
1 batang lobak merah dihiris
1 batang timun dihiris
10 tangkai cili padi hiris halus
1 biji bawang merah
1 biji jus limau nipis
Gula secukup rasa
Garam secukup rasa
2 sudu makan sos ikan
1 sudu kacang tumbuk
10 gram suhu direndam lembut
Udang kering
Kelapa parut

CARA PENYEDIAAN

1. Kupas mangga muda, kemudian rendam dalam air 15 minit untuk membuang getahnya. Toskan dan hiris halus.
2. Masukkan ke dalam mangkuk bersama hirisannya bawang dan lobak merah. Gaul rata. Ketepikan.
3. Satukan sos ikan, gula, bawang putih, cili padi dan jus limau nipis dalam mangkuk, kacau rata-rata dan masukkan dalam mangkuk berisi mangga hiris dan bahan-bahan lain. Gaul rata. 4. Tambah kacang tanah dan udang kering, gaul lagi dan sesuaikan rasa.
4. Kerabu mangga siap dihidangkan.



Avocado Salad with Turkey Ham

BAHAN-BAHAN

1 biji avocado dihiris panjang
1/2 sudu kecil lada hitam hancur
500 gram salad campur dihiris panjang
1 biji lada benggala dihiris panjang
1 biji bawang Holland dihiris panjang
2 keping ham ayam belanda

1/2 sudu kecil minyak zaitun

CARA PENYEDIAAN

1. Panggang ham ayam belanda separuh masak sahaja.
2. Masukkan kesemua bahan yang dihiris panjang dan taburkan lada hitam. Gaul rata.
3. Gaulkan pula dengan minyak zaitun.



PKPD bukan sekatan dampingi masyarakat

DATO' LEONG KOK WEE
Anak Jati Malaysia

RAKYAT Malaysia pastinya sudah mempunyai pengalaman menghadapi Perintah Kawalan Keselamatan Diperketatkan (PKPD) kerana pernah melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

Pengalaman yang dilalui itu juga akan dapat menghindarkan kita dari terus berasa cemas sehingga perlu membuat 'panic buying'.

Pada Julai lalu, sebanyak 430 unit rumah daripada tiga blok Flat Merpati A di Pandan Indah perlu menjalani dikuarantin dan dianggarkan seramai 2,500 orang penghuni yang terlibat dalam pelaksanaan PKPD ini. Langkah melaksanakan PKPD ini perlu dibuat kerana pada peringkat awal seramai 86 orang telah disahkan dijangkiti COVID-19 dan jika langkah pantas tidak diambil, kita bimbang ia akan terus merebak.

Ketika sesebuah lokality itu dikenakan pelaksanaan PKPD, bakul makanan akan disediakan untuk penduduk di kawasan terbabit. Bukan itu sahaja, terdapat juga wakil-wakil parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berkemampuan turut tampil memberi sumbangan kepada mereka yang terlibat. Ini menunjukkan kebijakan penduduk yang berada di lokality PKPD dijaga dan berada pada tahap yang terbaik.

Saya dan pasukan saya turut menerima permintaan bantuan daripada penduduk flat tersebut yang menghadapi kekurangan



SUMBANGAN bekalan makanan dan minuman yang disalurkan kepada penduduk flat yang menghadapi kekurangan bekalan asas.

bekalan asas. Kami bersama dengan beberapa individu yang turut prihatin dengan situasi penduduk flat tersebut telah menghantar makanan kepada penduduk yang terdiri daripada berbilang kaum.

Bukan itu sahaja, kami turut menghantar minuman kepada anggota barisan hadapan yang menjalankan tugas di kawasan tersebut. Pengorbanan barisan hadapan ini jangan sesekali kita lupa. Apabila krisis ini berakhir, mereka antara punca kejayaan yang akan tercatat di dalam sejarah negara kerana bersama-sama membantu menangani pandemik COVID-19 ini.

Terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Penguatuasaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) dan semua pihak yang terlibat semasa pelaksanaan PKPD ini.

Apabila menyampaikan sumbangan kepada mereka yang terkesan akibat wabak ini, tiada apa yang kami harapkan melainkan melihat mereka gembira dan dapat mengurangkan sedikit beban yang ditanggung.

Tetapi, pada suatu malam saya amat tersentuh hati kerana menerima mesej daripada salah seorang mak cik yang tinggal di kawasan flat tersebut.

Di dalam mesej itu, mak cik tersebut memaklumkan kepada saya bahawa penduduk-penduduk flat berasa amat gembira dan bersyukur kerana mendapat sumbangan barang makanan daripada kami. Mesej pendek ini cukup bermakna dan ia sekaligus menghilangkan keletihan kami separangjang proses menghulurkan bantuan di sana.

Bukan penghargaan atau anugerah yang kami minta, ucapan terima kasih yang ringkas dan

padat itu sudah cukup bermakna buat kami. Kami terasa penat lelah kami dihargai dan ini akan menjadi lonjakan kepada kami untuk terus berbakti kepada rakyat.

Jika sebelum ini rakyat pernah melancarkan Kempen Kibarkan Bendera Putih yang bertujuan untuk mewujudkan rasa tanggungjawab dalam diri supaya lebih peka terhadap kesusaahan dan kesempitan oleh jiran tetangga serta masyarakat sekeliling mereka.

Saya begitu berbangga kerana dilahirkan di dalam sebuah negara yang aman dan harmoni, dihuni pelbagai kaum, bangsa dan agama, tetapi masih boleh bersatu hati ketika ditimpa musibah.

Apabila musibah ini menimpah negara kita, warna kulit bukan lagi menjadi persoalan, latar belakang politik bukan lagi menjadi ukuran, apa yang penting kebersamaan kita untuk menangani penularan pandemik ini.

Bantuan yang dihulurkan kepada mereka yang terkesan bukan hanya terhad kepada bakul makanan atau keperluan asas sahaja. Tetapi turut merangkumi aspek sokongan moral. Siapa yang tidak terkesan dan sedih ketika ini? Kita semua sedih dengan apa yang berlaku, sebab itu sokongan moral antara satu sama lain amat diperlukan.

Sepanjang pandemik ini menular di negara kita, sudah beberapa kes bunuh diri yang dilaporkan? Antara sebab ia terjadi akibat tertekan kerana kesempitan hidup setelah dibuang kerja atau dikurangkan pendapatan susulan penularan pandemik ini. Ada juga di antara mereka yang mengambil jalan singkat ini didapati positif

COVID-19. Adakah jalan itu diambil kerana persepsi yang diberikan oleh masyarakat sekeliling?

Jika terdapat kenalan kita yang dijangkiti COVID-19, jangan mudah menjatuhkan hukuman. Mereka bukan penjenayah, mereka bukan pesalah. Mereka juga tidak mahu dijangkiti.

Sebagai masyarakat yang prihatin, tanya khabar dan bentuk bantuan mereka yang perlukan. Jika permintaan itu boleh anda tunaikan, silakan berbuat demikian. Jika tidak, sila hubungi wakil rakyat di tempat anda agar bantuan dapat disalurkan.

Ketika ini terdapat pelbagai pihak yang begitu bermurah hati menyalurkan bantuan kepada mereka yang terkesan. Jangan malu dan segan untuk menghubungi mereka. Kita bukan orang lain, kita rakyat Malaysia. Kita pasti akan saling membantu jika 'keluarga' kita ditimpa masalah. Jangan sesekali pernah rasa tersisih.

Saya akui kata-kata yang dikeluarkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein ada benarnya. Beliau berkata semangat kebersamaan antara seluruh rakyat Malaysia antara kunci kejayaan negara ini akan bebas daripada COVID-19 kelak.

Semangat itu telah lama diamalkan oleh nenek moyang kita ketika menuntut kemerdekaan negara, kini, giliran kita pula untuk membebaskan negara daripada sebarang kemudaratian.

Semoga Malaysia bebas daripada pandemik ini dan kita akan menang dalam melawan COVID-19. Kita pasti menang!

MPKK Batu 10 bantu tujuh keluarga jalani kuarantin



DIANA AMIR

MAJLIS Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Batu 10 Cheras menghulurkan bantuan kepada tujuh buah keluarga yang menjalani tempoh kuarantin kendiri COVID-19.

Ketua Kampung Batu 10 Cheras, Napiyah Haron berkata pihaknya memahami situasi dan kesukaran dialami keluarga terbabit dan sumbangan berbentuk barang keperluan asas dan penjagaan diri telah diberikan.

"Kami memahami situasi dan kesukaran yang dialami oleh keluarga terbabit dalam menjalani rutin harian terutamanya bagi mereka mempunyai bayi dan anak kecil.

"Setiap keluarga terbabit menerima sumbangan berupa barang keperluan asas dan penjagaan diri," katanya menerusi satu kenyataan.

Tambahnya lagi pihak mereka aktif menyalurkan bantuan kepada penduduk yang terkesan dan kurang

berkemampuan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 bermula.

Napiyah berkata selain MPKK Batu 10, Pusat Khidmat Dun Dusun Tua, Lembaga Zakat Selangor Kerajaan Negeri dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Hulu Langat turut terlibat dalam program agihan sumbangan ini.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa penduduk setempat untuk terus menjaga prosedur operasi standard (SOP) dan mendaftar untuk pengambilan vaksin.

"Saya turut ingin mengingatkan penduduk setempat agar berterusan mengamalkan norma baharu dan mematuhi segala SOP yang ditetapkan. Kebarangkalian jangkitan tetap akan berlaku walaupun kita sudah divaksin."

"Saya juga merayu kepada mana-mana penduduk agar mengambil tindakan segera untuk mendaftarkan diri menerusi Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)," jelasnya lagi.



AHLI Parlimen Hulu Langat Yang Berhormat Ustaz Datuk Hasanuddin Mohd Yunus berkesempatan turun padang menyantuni penduduk yang terkesan.

KETUA Kampung Batu 10 Cheras, Napiyah Haron menyalurkan sumbangan barang keperluan asas dan penjagaan diri kepada salah seorang penduduk.



DIANA AMIR

UNIVERSITI Multimedia (MMU) menawarkan yuran istimewa serta pengecualian yuran kemasukan program Diploma dalam melahirkan pemimpin masa depan dengan ilmu pengetahuan tercanggih dan kemahiran digital yang relevan dengan peredaran zaman.

Presiden MMU, Prof Datuk Dr Mazliham Mohd Su'ud berkata harga istimewa serendah RM6,000 ditawarkan sebagai satu inisiatif dalam meringankan beban ibu bapa dan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"MMU menawarkan harga istimewa serendah RM6,000 untuk kesemua program asasi yang ditawarkan kecuali Perundangan, sebagai satu inisiatif untuk meringankan beban ibu bapa dan penjaga pelajar lepasan SPM yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Pada masa yang sama, MMU juga mengecualikan yuran kemasukan bagi mereka yang berminat untuk mengikuti program Diploma," katanya menerusi satu kenyataan media.

Mazliham menjelaskan langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha universiti dalam memperjuangkan pendidikan tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia.



MAZLIHAM

Jelasnya lagi pandemik COVID-19 ini membuatkan ramai ibu bapa menangguhkan perancangan untuk menghantar anak melanjutkan pelajaran akibat mengalami masalah kewangan.

"Kami menyedari sepenuhnya bahawa pandemik ini telah menyebabkan ramai dalam kalangan ibu bapa dan penjaga mengalami penurunan dalam kemampuan kewangan, yang mengakibatkan mereka menangguhkan rancangan untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran, atau mereka membatalkan rancangan itu sepenuhnya.

"Jika hal ini terjadi, negara akan mengalami kerugian, dan bagi mengelakkan perkara itu, kami memainkan peranan kami dalam membantu memastikan anak muda Malaysia dapat melanjutkan pengajian seperti biasa," tambahnya.

Menurut Mazliham, kadar yuran pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) telah dikurangkan daripada RM27,000 kepada RM19,500 bagi pengambilan bulan September 2021.

Tambahnya di samping bantuan kewangan, MMU juga menawarkan pelbagai biasiswa kepada pelajar yang layak seperti Biasiswa Presiden, Biasiswa Merit dan Biasiswa Kecemerlangan Sukan.

"Biasiswa Presiden merupakan biasiswa yang paling didambakan oleh pemohon yang merangkumi 100 peratus tajaan yuran pengajian untuk program peringkat asasi, diploma, atau bachelor dan berikutnya yang tinggi, pemohon akan ditemui duga dengan mengambil kira

latar belakang sosioekonomi mereka.

"Sementara itu, Biasiswa Merit pula membolehkan pengurangan jumlah yuran sehingga 50 peratus untuk program asasi, diploma, atau bachelor, manakala Biasiswa Bakat MMU merangkumi 50 peratus atau 100 peratus tajaan pengajian yuran, bergantung pada kecemerlangan bakat pelajar pada peringkat negeri atau nasional samada dalam bidang sukan, muzik, debat, kesenian, pementasan dan penulisan.

"Selain itu, MMU turut

menawarkan peluang biasiswa lain seperti tajaan daripada pelbagai yayasan, syarikat, dan organisasi," jelasnya mengenai biasiswa yang disediakan oleh MMU.

Dalam pada itu, Mazliham berkata pendaftaran untuk pengambilan September akan diadakan pada 27 September 2021 dan kuliah akan bermula pada 4 Oktober 2021. Layari laman web www.mmu.edu.my untuk maklumat lanjut mengenai tawaran yang disediakan. **W.K**

EWRF yakin PM mampu kembalikan kegemilangan sektor pendidikan

SYAHIDI BAKAR

YAYASAN Pendidikan, Kebajikan dan Penyelidikan (EWRF) yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta barisan kabinetnya mampu membina sebuah "Keluarga Malaysia" yang lebih kukuh, aman, bersatu-padu dan maju.

Presidennya, G. Annamalai berkata, sekarang adalah masanya semua pihak tanpa mengira latar belakang fahaman politik dan kaum perlu bersama berganding bahu membina sebuah negara yang gemilang, kukuh serta stabil.

Katanya, Perdana Menteri telah menghulur tangan untuk bersama bergerak sebagai 'Keluarga Malaysia', maka wajar semua pihak menyambutnya dengan terbuka demi membawa kesejahteraan kepada setiap kelompok rakyat di negara ini.

"EWRF mengucapkan tahniah di atas pembentukan Kabinet baharu bawah pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri selaku Perdana Menteri ke-9, dan juga seluruh anggota Jemaah Menteri yang telah diumumkan 27 Ogos lalu.

"Adalah menjadi harapan



G. ANNAMALAI berhasrat menjalin kerjasama lebih erat dengan kerajaan untuk bersama-gembangkan tenaga memperkasa sistem pendidikan.

EWRF supaya Kabinet pimpinan Perdana Menteri akan segera memberi keutamaan terhadap usaha memperkasakan kembali sektor pendidikan yang telah tergugat sejak lebih setahun lalu.

"Pendekatan untuk memberi nafas baharu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan golongan pelajar dan guru-guru turut perlu ditumpukan.

"Jadi dicadangkan supaya sesi percambahan minda melibatkan

semua pertubuhan berkaitan dengan pendidikan diadakan bagi berkongsi pandangan serta menyusun semula strategi memajukan sistem dan sektor pendidikan negara," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

EWRF sebuah pertubuhan bukan kerajaan telah beroperasi sejak tahun 1979, telah banyak berperanan di dalam membantu meningkatkan keupayaan akademik dan intelektual pelajar di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Sementara itu, Annamalai menyatakan, EWRF berhasrat dan telah bersedia untuk membina kerjasama lebih erat dengan Kerajaan pimpinan semasa khususnya dalam sektor pendidikan.

"Jalinan kerjasama bidang pendidikan sangat penting demi kepentingan rakyat yang masih dihimpit pandemik COVID-19, yang secara langsung telah pun menjadikan hampir semua aspek kehidupan.

"Semoga dengan terjalannya ruang kerjasama ini, kita akan mampu mencari solusi terbaik bagi mengembalikan semula fokus pendidikan di landasan yang betul seiring dengan keperluan semasa para pelajar," ujarnya.

Labuan ‘role model’ pembukaan sekolah



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan kajian dan penelitian pembukaan sesi persekolahan berdasarkan peringkat fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), yang mana Labuan bakal menjadi negeri pertama melaksanakan pembukaan itu.

Menteri Kanan Pendidikan **Datuk Radzi Jidin** berkata, langkah itu diperlakukan berdasarkan peralihan pulau bebas cukai itu telah berada di Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara



RADZI

(PPN).

“Kita lihat Labuan adalah satu-satunya negeri yang berada di fasa 4 yang mana hampir keseluruhan sektor dibuka. Kita sedang melihat cara yang terbaik bagaimana sektor pendidikan boleh dibuka dalam keadaan selamat,” katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan bersama Guru Besar dan Pengetua di dewan konvensyen hotel terkemuka di sini, hari ini.

Menurutnya, sebelum pembukaan sekolah dilaksanakan, pihak kerementerianya akan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan pembukaan tersebut selamat.

“Kita akan mengambil kira kesemua cadangan dan pandangan

yang diberikan dalam menyusun dan merangka semula pembukaan sekolah nanti,” katanya.

Dalam pada itu, Radzi turut memaklumkan KPM telah mengadakan pertemuan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan dan Perbadanan Labuan yang diwakili pengurus dan ketua pegawai eksekutif untuk membincangkan cadangan tersebut.

“Untuk memastikan kaedah yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan baik dan mendapat dukungan semua pihak bagi memastikan anak-anak kita kembali ke sekolah dengan selamat,” katanya lagi.

Terdahulu, Radzi mengadakan lawatan kerja selama dua hari di Labuan bermula Ahad bagi mengadakan perbincangan libat urus bersama warga pendidik di sini.

WK



RADZI melakukan lawatan kerja selama dua hari di Labuan bagi mengadakan perbincangan libat urus bersama warga pendidik pada Ahad lalu.



HIDAYAH (tiga dari kanan) bersama-sama 11 jurugambar merakamkan gambar kenangan dengan membelakangi pemandangan gunung Kinabalu.

Tourism Malaysia anjur lawatan pelancongan bersama peminat fotografi

SEMPENA Wilayah Persekutuan Labuan memasuki Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat, Pusat Penerangan Pelancongan Labuan Tourism Malaysia menganjurkan program lawatan ke tempat pelancongan tempatan bersama peminat seni fotografi di pulau itu.

Lawatan selama dua hari itu memfokuskan usaha mempromosikan tempat-tempat pelancongan di sekitar pulau itu.

Seramai 11 jurugambar serta mendapat sokongan dari Anak Jati Keluarga dan Komuniti Tanjung Aru Nelayan.

Pengarah Negeri Tourism Malaysia Sabah, **Mohd Faharuddin Hatmin** berka-

ta, program itu bertujuan bagi usaha mempromosikan tempat-tempat pelancongan di sekitar Labuan dengan suasana norma baru.

“Orang ramai diseru agar segera mendapatkan suntikan vaksin bagi mencapai imuniti kelompok seterusnya membantu mempercepatkan gelembung pelancongan dan dapat menikmati kelebihan melancong seperti di Labuan,” katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengurus Pusat Penerangan Pelancongan Labuan, **Nor Hidayah Mohd Nor** berkata, program itu merupakan salah satu usaha mempromosikan Labuan sebagai satu destinasi yang dapat

menawarkan pemandangan menawan matahari terbit dan keanggunan matahari terbenam dalam satu tempat disamping pelbagai lokasi pelancongan.

“Diharapkan dengan program seperti ini dapat mempamerkan bahawa Labuan mempunyai banyak lokasi menarik terutamanya bagi peminat seni fotografi.

Jelas Hidayah, usaha promosi itu mampu mewujudkan persekitar yang baik kepada masyarakat dalam dan luar terhadap pelancongan yang terdapat di Labuan.

“Dan sekaligus menghapuskan persepsi masyarakat luar yang menganggap Labuan dapat diterokai dalam masa satu hari sahaja,” katanya lagi. WK

Razidah bolot tiga anugerah MAHKARYA 2021

RAZIDAH Abdul Ghaffar memenangi tiga anugerah utama sempena MAHKARYA Kolokium Mini Kajian Tindakan Sekolah Kebangsaan Lubuk Temiang Peringkat Labuan, baru-baru ini.

Guru Besar SK Lubok Temiang, Adam Abd Rahim berkata, Razidah Abdul Ghaffar membolot tiga anugerah utama iaitu Kajian Terbaik, anugerah Emas dan Slaid Terbaik.

Manakala Pembentang Terbaik diberikan kepada Norhasiken Mohd Dahlia yang turut memenangi anugerah Emas.

Midzmar Harun pula membawa pulang Anugerah Khas Juri dan anugerah Emas.

Lima guru mendapat anugerah Perak iaitu Juanawati Omar Junit, Zunikah Amboh Turuh, Junainah Yahya, Mohd Nasrun Ramlee dan Kasmah Mohd Ali.

“Tahniah kepada warga kerja pelaksana terutama penyelaras MAHKARYA2021 kerana telah

berusaha melaksanakan tugas yang diamanahkan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Labuan, **Yusup Mohamad** mengucapkan tahniah kepada pemenang dan beliau menjelaskan perkongsian seluruh negara ini secara langsung menggunakan youtube merupakan satu usaha SK Lubok Temiang yang wajar dipuji.

Beliau berkata penggunaan aspek digital dalam pengurusan pendidikan telah digunakan dengan sebaik mungkin.

“Ini merupakan manifestasi kebersamaan warga pendidikan seluruh negara bagi mengangkat martabat pendidikan ke suatu tempat yang lebih tinggi dan agung.

Yusup berkata, ia telah membuka peluang baharu kepada guru-guru meneroka aspek-aspek pendidikan digital secara lebih meluas.

“Guru perlu menguasai amalan-amalan baharu pendidikan terutamanya pendidikan digital,” katanya lagi. WK



ADAM



YUSUP

**Soalan**

A SSALAMUALAIKUM SS
Datuk Mufti, saya ingin memohon penjelasan daripada hadis berikut:

"Allah mengutus malaikat pada setiap rahim, kemudian malaikat tersebut mengatakan: Wahai Tuhan, apakah segumpal mani?, Wahai Tuhan, apakah segumpal darah? Wahai Tuhan, apakah segumpal daging?"

Jika Allah berkehendak memutuskan penciptaan malaikat mengatakan: Wahai Tuhan apakah laki-laki atau perempuan? Adakah sengsara ataukah bahagia? Bagaimana rezekinya? Bila ajalnya? Lantas ditulis demikian dalam perut ibunya."

(Sahih al-Bukhari)

Berdasarkan attachment atau screen shot tentang hadis itu, saya ingin bertanya kalau Allah dah takdirkan seseorang tu evil doer (pelaku maksiat) sebelum dia dilahirkan lagi.

Jadi macamana dia nak pilih jalan baik kalau dia ditakdirkan sebegini rupa?

Jawapan

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang setia mengikuti perjuangan Rasulullah SAW sehingga hari Kiamat.

Secara asasnya, tidak dapat dinafikan bahawa setiap ketentuan makhluk sudah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali.

Ketetapan inilah yang dinamakan sebagai Qada' dan Qadar. Sabda Nabi SAW:

Maksudnya: "Sesungguhnya setiap kamu dikumpulkan penciptaannya di perut ibunya dalam keadaan air mani selama empat puluh hari, kemudian berubah menjadi sekutul darah selama empat puluh hari, kemudian menjadi segumpal

Pilihan amalan baik atau buruk di tangan kita



SETIAP orang mempunyai pilihan sama ada ingin melakukan kebaikan atau keburukan.

daging selama empat puluh hari. Kemudian diutus kepadanya malaikat untuk ditupukan kepadanya roh dan (malaikat) diperintahkan untuk menetapkan empat perkara: Menetapkan rezekinya, ajalnya, amalnya dan kesudahannya sama ada derita atau bahagia.

Demi Allah yang tidak ada tuhan melainkan-Nya, sesungguhnya di antara kamu ada yang melakukan amalan ahli syurga sehingga jarak antara dirinya dengan syurga tinggal sehasta, akan tetapi telah ditetapkan baginya ketentuan, lalu dia melakukan amalan ahli neraka, maka masuklah dia ke dalam neraka.

Sesungguhnya di antara kamu ada yang melakukan amalan ahli neraka sehingga jarak antara dirinya dengan neraka tinggal sehasta, akan tetapi telah ditetapkan baginya ketentuan, lalu dia melakukan amalan ahli syurga, maka masuklah dia ke dalam syurga."

(Sahih Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, wajib

bagi setiap muslim untuk beriman dengan ketentuan Allah sama ada baik ataupun buruk. Hal ini kerana, kesudahan sesuatu kejadian itu telah ditentukan qada' dan qadar.

(Lihat 'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari: 15/132)

Namun, Allah SWT juga menjelaskan bahawa usaha untuk melaksanakan kebaikan mestilah wujud dan Allah pasti akan mempermudahkan bagi mereka yang menghendaki kebaikan daripada-Nya. Sabda nabi SAW:

Maksudnya: "Sesiapa dalam kalangan orang yang bahagia (ahli syurga), maka dia akan beramal dengan amalan orang yang bahagia (ahli syurga).

Adapun, sekiranya dia daripada kalangan orang yang derita (ahli neraka), maka dia akan beramal dengan amalan orang yang derita (ahli neraka).

Sabda Nabi SAW lagi:

"Beramallah dan setiap orang itu akan diper mudahkan (oleh Allah SWT).

Adapun orang yang bahagia akan diper mudahkan dalam

beramal dengan amalan orang yang bahagia.

Manakala orang yang derita akan diper mudahkan dalam beramal dengan amalan orang yang derita".

Riwayat Muslim (2647)

Menurut Qadhi 'Iyadh, apabila Allah SWT menetapkan kesengsaraan ke atas hamba-Nya, pada masa yang sama Dia juga mempermudahkan jalan ke atas hamba-Nya itu untuk melakukan kebaikan.

(Lihat Ikmal al-Mu'lim bi Fawaid Muslim: 8/129)

Justeru, setiap manusia tidak mengetahui pengakhiran hidup mereka sama ada baik ataupun buruk, ahli syurga atau ahli neraka, bahagia atau sengsara.

Namun hakikatnya Allah SWT memerintahkan setiap manusia untuk melakukan ketaatan dan berusaha meninggalkan segala bentuk maksiat.

Bahkan, setiap manusia juga diberikan pilihan untuk melakukan amalan baik atau buruk.

Oleh itu, sebenarnya tiada paksaan ke atas mereka memilih sesuatu amalan sama ada baik atau buruk.

Firman Allah SWT :

Maksudnya: "Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak."

Surah al-Syura (20)

Dalam mentafsirkan ayat ini, almarhum Dr. Wahbah al-Zuhaili menjelaskan bahawa sesiapa

yang menginginkan ganjaran akhirat daripada amalannya, maka Allah pasti akan mempermudahkannya untuk mencapai hasrat itu.

Manakala mereka yang hanya menghendaki ganjaran dunia semata-mata serta mengabaikan urusan akhirat, maka tidak ada baginya ganjaran pada hari akhirat kelak.

(Lihat Tafsir al-Wasit: 2335)

Berdasarkan tafsiran ini, jelas bahawa setiap manusia mempunyai pilihan sama ada ingin melakukan kebaikan atau keburukan.

Nikmat akal juga dikurniakan oleh Allah agar mereka dapat berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara.

Oleh yang demikian, setiap muslim wajib beriman kepada qada' dan qadar Allah SWT kerana ia merupakan usul bagi kesempurnaan Iman.

Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin Khattab RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Beriman kepada Allah SWT, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari akhirat, serta beriman kepada takdir yang baik dan buruk.

Riwayat Muslim (8)

Kesimpulannya, sebagai hamba Allah SWT kita tidak boleh lari daripada takdir yang telah ditetapkan oleh-Nya.

Namun begitu, usaha mentaati Allah dan meninggalkan larangan-Nya itu wajib dilaksanakan secara bersungguh-sungguh.

Di samping itu, mohonlah doa kepada Allah SWT agar kita sentiasa dijauhkan daripada perbuatan-perbuatan yang boleh mengundang kemurkaan-Nya.

Wallaahu'lam.

Potongan zakat bulanan khas buat warga PDRM dilancarkan

SYAHIDI BAKAR

SKIM Potongan Zakat Bulanan (SKIM-PZB) khas untuk pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini boleh didapati hasil inisiatif oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

Pelancaran skim tersebut adalah sebagai usaha menggalakkan bayaran zakat setiap bulan dalam kalangan anggota serta pegawai PDRM dengan mudah, secara dalam talian yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Pelancaran kempen selama empat bulan bermula Ogos hingga Disember 2021 telah disempurnakan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim sambil disertai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman dilangsungkan se-

cara maya.

Mengulas mengenainya, Mazlan berkata, objektif utama Kempen DKIM-PZB Khas Warga PDRM ini adalah menggalakkan lebih ramai anggota dan pegawai PDRM terutama di Wilayah Persekutuan untuk tunaikan zakat pendapatan secara bulanan melalui potongan gaji.

"Kempen ini juga sebagai galakan kepada warga PDRM untuk mengekal dan menambah bayaran zakat mereka di PPZ-MAIWP, secara langsungnya dapat membantu lebih ramai asnaf merlukan ketika ini," kata beliau ketika melancarkan skim yang julung kalinya diperkenalkan.

"Justeru, Kempen Skim PZB Khas Warga PDRM dilihat sebagai salah satu inisiatif kondusif untuk memastikan wang zakat dikutip mencukupi bagi

menampung perbelanjaan asnaf selari dengan slogan kempen ini 'Kitalah Wira Asnaf,' katanya.

Dalam pada itu Abdul Hakim Amir menjelaskan, berdasarkan rekod terkini pembayar PPZ-MAIWP menunjukkan 2,705 warga PDRM telah membuat potongan zakat secara bulanan melalui Skim PZB dengan bayarannya melebihi RM1 juta.

"Insya-Allah dengan adanya kempen ini kami yakin lebih banyak warga PDRM akan tampil membuat potongan zakat secara bulanan ini.

"Antara kelebihan lain disedia melalui Skim PZB ini adalah majikan layak mendapat Skim Wakalah atau pengembalian semula wang zakat sebanyak 12.5 peratus sehingga 37.5 peratus jika potongan gaji kakitangan melebihi RM100,000," ujarnya. **WK**



ABDUL Hakim ketika menyerahkan zakat kepada salah seorang asnaf baru-baru ini.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Semarak Kemerdekaan sambil nikmati kelazatan buah tempatan

SYAHIDI BAKAR

INISIATIF kempen 'Jom Makan Buah Tempatan' usahasama oleh Pertubuhan Amal Kebajikan Erat Masyarakat dengan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Subzon 5 Bandar Tun Razak, ternyata berbeza bagi menyemarakkan kemerdekaan ke-64 tahun ini.

Bagi Pengerusi MPPWP Sub Zon 5, **Farouk Mohd Noor**, selain memupuk kesedaran warga tentang semangat kemerdekaan, program tersebut turut menjadi landasan untuk membantu pengusaha buah-buahan menjual hasil masing-masing di tapak jualan secara percuma selama 5 hari.

Katanya, pendekatan itu secara tidak langsung dapat membantu mereka menjana pendapatan hasil jualan dan mengelak kerugian akibat wujud lambakan buah-buahan yang dimiliki pengusaha.

"Seramai 10 pengusaha buah-buahan tempatan terlibat dalam program ini bermula 27 hingga 31 Ogos yang mana kita juga turut mengagihkan bendera Malaysia sebagai cara menyemarakkan semangat kemerdekaan."

"Paling menarik, selain membantu pengusaha, ia juga buka peluang kepada masyarakat



FAROUK, Boy (tengah) dan Mohd Kamal (kanan) ketika ditemui di tapak jualan program 'Jom Makan Buah Tempatan' di Lake Field, Sungai Besi.

kita untuk merasai kelazatan buah-buahan tempatan pada harga sangat berpatutan," katanya ketika ditemui di Dataran Lake Field Sungai Besi.

Gerai jualan yang mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu beroperasi bermula 10 pagi hingga 6 petang dengan tahap pematuhan SOP yang ketat oleh semua terlibat.

Menurut Wakil Pertubuhan

Amal Kebajikan Ert Masyarakat, **Mohd Kamal Othman**, peluang yang terhadang itu memberi manfaat bagi pengusaha untuk menjual hasil masing-masing di kawasan strategik yang menjadi tumpuan orang ramai.

"Pelbagai jenis buah dijual rambutan, langsat, dokong, manggis, mata kucing, pelbagai jenis durian, cempedak, mangga, malah petai pun ada ditawarkan



BARISAN AJK MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak melancarkan kempen kibar bendera sempena Kemerdekaan ke-64 tahun ini.

pada harga RM10 untuk 3 kilogram.

"Jadi, acara mini ekspo ini memberi peluang bagi orang ramai membeli dan nikmati buah tempatan dalam semangat kemerdekaan," ujarnya sambil berharap program sama diadakan lebih kerap lagi bagi membantu peniaga, pemborong dan juga pembeli.

Sementara itu, seorang pemborong yang dikenali

dengan gelaran **Boy Musang King**, menjelaskan, pelbagai jenis durian didatangkan dari Raub yang boleh dinikmati pengunjung pada harga sangat berbaloi.

Katanya, sejumlah enam hingga tujuh tan durian disasar terjual dalam acara selama lima hari itu dengan kos kasar sekitar RM80,000, secara langsung dapat menjual secara terus kepada pembeli. **WK**

Nelayan asnaf terima bantuan makanan MAFI sempena Hari Kebangsaan

KHAIRUL IDIN

KIRA-KIRA 30 nelayan asnaf di sini menerima bantuan bakul makanan asas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sempena Sambutan Bulan Kebangsaan ke-64 tahun.

Sambutan itu turut diadakan bagi meraikan Sambutan Hari 50 tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut Pengarah LKIM Labuan, **Mohd Faisal Ab Ghadin**, program itu merupakan satu inisiatif LKIM dalam membantu dan meringankan beban para nelayan.

"Simbolik keprihatinan dan tanggungjawab sosial korporat LKIM bersama-sama Persatuan Nelayan Kawasan Labuan bagi membantu meringankan bebanan masyarakat nelayan yang terjejas," katanya kepada pemberita di Majlis Penyerahan Bakul Makanan MAFI Prihatin dan Jalur Gemilang di jeti LKIM, di sini pada Ahad.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan Rithuan Mohd Ismail.



RITHUAN (dua dari kiri) menyampaikan bakul makanan kepada nelayan sempena Hari Kebangsaan di jeti LKIM di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan, Mohd Hafiez Daud, Pengarah Jabatan Perikanan Labuan, Faizal Ibrahim Suhaili dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Labuan, Abd. Zaid Abdullah.

Dalam majlis itu, Rithuan turut melancarkan upacara 'Flag-Off' sebanyak 30 buah kapal dan perahu nelayan yang dihiasi dengan bendera Jalur Gemilang bagi meraikan lagi sambutan Bulan Kebangsaan yang ke 64. Rithuan yang juga merangkap



ANTARA kapal dan perahu pelayan yang dihiasi bendera Jalur Gemilang bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan peringkat Labuan.


Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Perbadanan Labuan menzahirkan penghargaan kepada LKIM kerana sentiasa prihatin terhadap nasib golongan nelayan asraf di Labuan.

"Tahniah kepada LKIM kerana mengadakan program ini sempena

Hari Kebangsaan ke-64 dan Hari 50 tahun LKIM sekali gus menyalurkan bantuan kepada nelayan asraf.

"Ini jelas menunjukkan keprihatinan LKIM dan MAFI terhadap golongan nelayan khususnya di Labuan," katanya lagi. **WK**

Food Bank Putrakop: Ambil ikut keperluan, beri seikhlas hati



Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

MENYEDARI ramai yang terkesan akibat pandemik COVID-19 sehingga tidak kurang yang terputus makanan, Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop) tampil membantu dengan menyediakan barang keperluan asas melalui Food Bank.

Menurut Pengurus Besar PutraKop, **Suzita Tusirin**, PutraKop menggalaukan mereka yang memerlukan untuk tampil ke kedai serbanteka CoopMart, Presint 16 bagi mengambil barang keperluan asas yang disediakan di Food Bank.

"Tiada syarat yang dikenakan, mereka yang memerlukan hanya



SUZITA

perlu datang, tulis nama dan ambil barang mengikut keperluan. Tujuan kita hanya untuk membantu bagi meringankan beban golongan memerlukan.

"Pihak PutraKop menggunakan sepenuhnya dana zakat koperasi yang mana pihak kami juga telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai wakil untuk menyalurkan zakat," ujar beliau.

Tambah Suzita lagi, mereka juga mengalaukan pihak luar yang ingin menyalurkan dana sumbangan melalui Food Bank dengan pilihan tiga paket sumbangan.

"Pakej A:RM30, Pakej B:RM50 dan Pakej C:RM100 mengikut pilihan masing-masing terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang ingin menyertai program berkongseian tanggungjawab

sosial korporat (CSR) ini.

"Setakat ini sambutan terhadap sumbangan yang diterima amat menggalakkan yang mana saya percaya penyumbang-penyumbang kita yakin dengan kredibiliti PutraKop itu sendiri sebagai saluran yang betul," kata beliau.

Antara sumbangan barang asas yang disediakan terdiri daripada beras, tepung, gula, minyak masak, lampu pakai buang bayi dan banyak lagi.

Bagi anda yang ingin menyalurkan sumbangan, bolehlah menderma ke nombor akaun Ambank Islamik Berhad (Koperasi Perbadanan Putrajaya) 8881031875749 (sertakan rujukan Paket yang dipilih samada A/B/C).

Untuk maklumat lanjut boleh berhubung di talian 011-10847110 atau emel; admin@putrakop.com atau ke laman sesawang www.putrakop.com atau laman sosial Facebook Koperasi PPj dan Instagram (PutraKop). WK



FOOD Bank yang disediakan dihadapan Coop Mart, Presint 16.

Bicara Akrab Cakna PPj 2021 bantu tangani cabaran emosi

HAMPIR dua tahun berdepan dengan pandemik COVID-19, ramai yang hampir kecundang dalam menangani cabaran emosi kerana ia sukar untuk ditafsirkan.

Memahami kegelisahan itu, Perbadanan Putrajaya (PPj) membawakan Program Bicara Akrab Cakna PPj 2021 untuk membantu mengurangkan tekanan dan kebimbangan dalam kalangan warganya.

Hadir dalam tiga sesi, program secara maya itu dibahagikan kepada tiga segmen menarik iaitu Urus Emosi Tingkatkan Prestasi, Pengubatan Islam: Merawat Emosi

dan Poket Sihat, Hidup Ceria.

Menurut Pengurus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) PPj, **Asrol Hafiz Zainal**, sasarannya utama program tersebut adalah untuk menyemaikan sifat-sifat kerohanian dalam diri warga PPj.

"Setiap segmen mempunyai kekuatan tersendiri. Misalnya dalam topik urus emosi kita bawakan pakar motivasi dari elemen moden dan juga Islamik. Ini kerana cara



ASROL HAFIZ

pengurusan emosi daripada kedua-duanya berkait rapat.

"Untuk elemen Islamik, kita menengahkan Pengamal Pengubatan Islam Darussyifa, Mohd Fauzi Mustaffa yang akan memberi tips-tips merawat emosi dalam Islam selain

berkongsi doa-doa untuk amalan bagi mententeramkan jiwa," ujar Asrol.

Selain itu, ujarnya, bagi segmen Poket Sihat pula,

Pakar Perancangan Kewangan, Shamsuddin Kadir pula akan membantu dari segi menguruskan kewangan secara berhemah agar tidak mendatangkan pembaziran.

"Kita faham, penjawat awam tidak masalah dalam pembayaran gaji namun kita ingin mengelakkan mereka daripada membelanjakan wang dengan boros sehingga tidak membuat sebarang simpanan."

"Belanja secara berhemah, itu yang kita ingin terapkan kepada mereka. Insya-Allah dengan adanya siri bual bicara ini, besar harapan kita agar dapat membantu golongan

ini menguruskan gaji," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya lagi, biarpun pada mulanya program dikhaskan kepada warga PPj namun ia turut mendapat sambutan daripada masyarakat luar memandangkan ia bersiaran secara langsung di laman Facebook Perbadanan Putrajaya.

"Alhamdulillah, diharapkan ia memberi manfaat kepada semua. Bagi yang ingin mengikuti program ini, anda boleh ke laman Facebook PPj pada 14 dan 21 September 2021 bermula pukul 9.30 pagi," ujarnya.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500

HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

Wilayah Ku

50,000 naskhab akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Bapa jadi sumber inspirasi Nur Deena

Idam top 3 di Sukan SEA Vietnam

AINI MAWAW

KE mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi. Kejayaan bapa merangkul pingat perak pada Sukan Komanwel 1998 dalam sukan berbasikal menyuntik semangat buat atlet Wilayah Persekutuan, Nur Deena Safia Noraffandy, 22, untuk mencipta nama dalam sukan berbasikal bukit.

Menurutnya, sejak dari kecil lagi dia di dedahkan oleh bapanya, Noraffandy Rosli dengan sukan berbasikal yang pada akhirnya membuatkan dia jatuh cinta dalam sukan tersebut.

"Bezanya saya lebih suka dengan sukan berbasikal bukit berbanding ayah yang muncul sebagai atlet berbasikal lebuhraya. Ini kerana saya lebih sukakan aksi yang lebih ekstrem kerana ia membuatkan diri terasa lebih puas."

"Selain itu, melalui sukan berbasikal bukit ini, jiwa saya lebih



NUR DEENA

di dalam kawasan laluan mereka. Pernah satu ketika ular sawa melintas di hadapan saya, mujurlah sempat mengelak," ceritanya kepada Wilayahku.

tenang kerana lebih dekat dengan suasana alam semulajadi. Kebiasaan trek berbasikal adalah di hutan," ujarnya kepada Wilayahku.

Kongsinya lagi, setiap kali berlatih mahupun menyertai pertandingan dalam kawasan hutan, dia akan memastikan basikalnya berada dalam keadaan baik.

"Saya mesti pastikan brek dan tayar dalam keadaan baik. Jangan sesekali terlepas pandang kerana ia boleh mengundang kemalangan. Selain daripada itu, bagi yang beragama Islam perlu sentiasa berdoa agar sentiasa dalam lindunganNya.

"Dalam masa sama, perlu sentiasa peka dengan binatang buas kerana kita berada

Kejayaan Nur Deena

2020 - Kejohanan Asia Continental, Thailand
- Tempat ketujuh

2018 - SUKMA Perak
- Pingat Perak
2018 - Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), Bangi
- Tempat pertama

2017 - Asia Mountain Bike Series, Sabah
- Tempat Ketiga

dari Malaysia selain faktor cuaca yang kering dan berbahang. Disebabkan perubahan udara yang ketara juga, saya terdedah kepada sakit di saluran pernafasan," ujarnya.

Sepanjang tempoh dua minggu berada di Thailand sebelum pertandingan bermula, dia mengaku dapat mempelajari pelbagai aksi dan kemahiran baru di sana.

"Dua kali saya cedera di bahagian siku kerana terjatuh ketika sesi latihan. Mujurlah tidak terlalu serius namun segala yang berlaku sepanjang tempoh itu cukup bermakna bagi saya," ujarnya yang baru pulih daripada kecederaan di bahagian peha dan bahu ketika se-si latihan baru-baru ini.

Berhasrat untuk beraksi di Sukan SEA Vietnam tahun hadapan, pelajar Diploma Sains Sukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam Selangor ini sentiasa fokus kepada impianinya itu.

"Insya-Allah saya akan pastikan apa yang dihajati tercapai. Saya meletakkan sasaran untuk muncul Top 3 dan disebabkan itu juga, saya kini giat menjalani latihan hampir setiap hari," ujar Nur Deena. **W.K**



Ras Adiba cadang KBS perkasa pembangunan potensi atlet OKU

KERAJAN perlu terus melipatgandakan usaha pemerkasaan dan pembangunan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia dalam bidang sukan selaras dengan komitmen dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kata Senator Datuk Ras Adiba Radzi.

Beliau yang mewakili golongan orang kurang upaya (OKU) di Dewan Negara berkata kejayaan atlet OKU dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020 baru-baru ini membuktikan golongan itu berkemampuan dan berkebolehan dalam mengharumkan nama Malaysia di persada dunia dalam sukan.

Justeru, beliau menggariskan beberapa cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk memastikan golongan itu terus cemerlang dalam bidang berkenaan.

Beliau mencadangkan agar atlet elit pekak diterima masuk ke program Majlis Sukan Negara (MSN) sebagai persediaan seperti atlet arus perdana dan atlet para dengan semua kemudahan yang setaraf dan berterusan.

"Keduanya, pemberian Skim Hadiyah Kemenangan Sukan (SHAKAM) untuk atlet pekak yang menang pingat di Sukan Deaflympics, Sukan Orang Pekak Asia Pasifik dan Sukan



RAS ADIBA

Ahli Gabungan Negeri (AGN) Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf) bagi persiapan ke SOPMA.

Cadangan lain termasuk pembinaan sekolah sukan pertama bagi OKU; penyediaan kemudahan sokongan seperti fisioterapi dan sokongan dana; memastikan fasiliti dan kemudahan mesra OKU di stadium, kompleks sukan dan padang serta memberi peluang atlet para yang tidak lagi beraksi menjadi jurulatih.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menyambut baik cadangan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu untuk meminda Akta OKU 2008 dalam usaha memberi lebih kemudahan dan akses kepada golongan istimewa itu.

"Saya berharap agar Menteri Belia dan Sukan dapat mewujudkan satu kanvas visi sukan negara yang khusus buat permerkasaan OKU dalam sukan," katanya.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada skuad atlet paralimpik Malaysia yang telah membawa pulang tiga pingat emas dan dua perak dari temasya sukan itu yang disifatkan sebagai sejarah paling cemerlang sejak 1972. - BERNAMA

Bekas atlet para Mohd Raduan tolak tawaran kerja daripada MSN

MAJLIS Sukan Negara (MSN) pernah menawarkan jawatan kepada bekas atlet olahraga para kebangsaan, Mohd Raduan Emeari yang tular dalam media sosial kerana bekerja di stesen minyak, namun ditolak bekas atlet itu.

Ketua Pengarah MSN Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata tawaran kerja di MSN untuk membantu skuad negara, ditolak oleh bekas atlet pecut yang pernah beraksi di Sukan Paralimpik, Beijing 2008 itu atas alasan komitmen kepada keluarganya.

Menurut Ahmad Shapawi, setelah digugurkan daripada Program Podium pada penghujung 2017, Mohd Raduan juga tidak menyertai mana-mana kejohanan kerana ingin memberi fokus kepada keluarganya, memandangkan beliau mempunyai isteri dan seorang anak.

"Namun, beliau telah dilantik sebagai penggerak sukan olahraga para bermula pada 2020 hingga kini dengan bayaran sebanyak RM350 setiap bulan bagi membantu MSN mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan itu di Selangor," katanya menyerukenyataan.

Terdahulu, tular menerusi media sosial mengenai Mohd Raduan

yang bekerja di sebuah stesen minyak di Kuala Selangor, yang turut mempersoalkan ketiadaan insentif penghargaan atau kerja untuk meruskan kehidupan atlet selepas bersara.

Bekas pelari pecut berusia 39 tahun itu pernah mewakili negara di temasya Sukan Para ASEAN (APG) Filipina 2005, Korat 2007, Solo 2011, Naypyitaw 2013, Singapura 2015 dan Kuala Lumpur 2017 telah menyumbangkan lima pingat emas.

Beliau juga pernah beraksi di Sukan Para Asia Guangzhou 2010 dan Incheon 2014, selain Paralimpik Beijing 2008.

Menurut Ahmad Shapawi lagi, pihak MSN juga bekerjasama rapat dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) untuk berjumpa dengan bekas-bekas atlet bagi sebarang bantuan yang ingin dipohon dalam lingkungan kemampuan MSN.

"Pihak YAKEB juga telah berjumpa dengan beliau bagi menawarkan kursus asas perniagaan yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan pihak YAKEB akan membantu sekiranya Mohd Raduan berminal untuk memulakan perniagaan," katanya. - BERNAMA



MOHD RADUAN



SOP di Pasar Harian Selayang perlu lebih sistematik

SABRINA SABRE

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dinasihati untuk meneliti kaedah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di Pasar Harian Selayang agar lebih sistematik dan tidak membebankan mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, terdapat beberapa isu yang menjadi pertikaian antara Persatuan Peniaga dan DBKL antaranya membabitkan warga asing, lot meniaga dalam bangunan, pelesenan dan beberapa isu berbangkit menerusi tinjauannya di pasar berkenaan pada Selasa.

Jalaluddin berkata, pihaknya telah memaklumkan jabatan-jabatan berkaitan untuk memberikan maklum balas segera berkaitan perkara yang dibangkitkan untuk tindakan sewajarnya diambil.

"Pada Jumaat lepas, saya dapat aduan mengenai beberapa perkara yang sedang dialami oleh peniaga di Pasar Harian Selayang.

"Saya luangkan masa kira-kira dua jam bagi meninjau sendiri keadaan yang berlaku di pasar berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Jalaluddin, pihaknya turut berkesempatan mendapatkan maklum balas daripada beberapa peniaga yang beroperasi di pasar berkenaan.

Tambahnya lagi, sebelum ini beberapa langkah telah diambil bagi



JALALUDDIN (tengah) mendengar keluhan peniaga Pasar Harian Selayang.

membantu mengurangkan beban yang ditanggung peniaga harian yang terlibat.

"Antaranya pihak DBKL telah memberikan pengecualian bayaran fi sewa sebanyak 100 peratus selama tujuh bulan sehingga Disember ini.

"Rata-rata peniaga yang saya jumpa memberi respon positif dan mengaku inisiatif ini sedikit sebanyak berjaya mengurangkan beban mereka," katanya.

Tambah Jalaluddin, pihaknya mema-

hami isu pasar borong dan Pasar Harian Selayang telah lama berlarutan dalam tempoh jangka masa yang panjang dan sewajarnya cuba diselesaikan dalam kadang yang segera.

"Seperti saya pernah katakan sebelum ini, jika tidak boleh selesaikan semua isu, jangan pula langsung tak cuba selesaikan, saya doakan semua peniaga di Pasar Harian Selayang terus dimurahkan rezeki," katanya. **WK**



PAUTAN istiadatistana.gov.site adalah palsu.

Awas laman web palsu Darjah Kebesaran - KWP

PENGGUNA media sosial dan orang ramai dinasihati untuk tidak melayari laman web palsu, Portal Carian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Malaysia yang ditularkan baru-baru ini.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memaklumkan, pihaknya menerima aduan tentang kewujudan laman web palsu berkenaan yang menggunakan pautan <https://www.istiadatistana.gov.site/>.

Sebaliknya, jelas KWP, mana-mana pihak yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan boleh melayari pautan <https://pingat.kwp.gov.my/>.

"Pengguna dan orang ramai dinasihati untuk tidak melayari laman web palsu berkenaan bagi mengelakkan tertipu dengan maklumat yang tidak benar," katanya menerusi ciapan di Facebook pada Selasa.

Tambahnya, pautan yang digunakan KWP bagi memaparkan maklumat mengenai Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Malaysia adalah lebih sahih serta tepat. **WK**

Selebriti popular pulihkan semangat rakyat

DEEL ANJER

TIDAK dinafikan pandemik COVID-19 membuatkan masyarakat dihimpit kesusaahan dalam pelbagai aspek.

Baik golongan yang hidup mewah, sederhana atau miskin, semuanya terkecen dan tertekan dengan situasi ini.

Untuk itu, Universal Music Malaysia menjadikan idea itu sebagai inspirasi dengan melancarkan lagu *We Live To Give* yang dinyanyikan selebriti popular Athalia, Diana Danielle, Shalma Eliana, Simon Webbe dan Asyraf Nasir.

Bekerjasama dengan The Giving Bank, lagu ini bertujuan memberi kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia kerana karya ini sarat dengan kata-kata perangsan.

Misalnya mendorong dalam usaha memulihkan semangat rakyat untuk tabah dan terus bersemangat.

Bagi pelakon dan penyanyi **Diana Danielle**, selain bantuan berbentuk makanan atau fizikal, rakyat juga muhu-

kan kata-kata harapan demi menguatkan lagi semangat diri.

Apabila semangat pulih, kekuatan dalam diri membuatkan mereka bangkit untuk mengubah hidup ke arah lebih baik.

"Saya percaya pada kekuatan bersatu hati kerana kita dapat mempengaruhi lebih banyak kehidupan dan perubahan untuk masa depan yang lebih baik secara kolektif," katanya.

Manakala Simon pula melihat usaha dalam memberikan semangat menerusi lagu ini adalah bentuk bantuan secara motivasi yang jauh lebih tinggi nilainya.

"Memberi melangkau nilai wang diberi. Ia juga menyulur mesej positif yang mengingatkan kita bagaimana membantu orang lain menaikkan semangat mereka serta meringankan beban ditanggung," jelasnya.

Begitu juga dengan selebriti lain iaitu Athalia, Shalma dan Asyraf yang percaya bahawa lagu *We Live To Give* sarat dengan rasa cinta, hormat, harapan dan masa depan. Ia diterjemahkan mereka un-

tuk menyebar mesej positif kepada golongan muda.

Sehubungan itu, pihak The Giving Bank terus menjadi saluran dipercayai Universal Music Malaysia untuk mewujudkan mesej mengenai pentingnya memberi keselesaan dan sokongan untuk memperkuat daya ketahanan masyarakat.

Menurut pengasas dan presiden Dr Janson, dia percaya niat murni itu juga mampu direalisasikan menerusi muzik.

"Sudah lama The Giving Bank mengimpikan untuk memiliki lagu sesuai bagi menggambarkan misi dan visi kami dalam membina hari esok yang lebih baik. Saya sudah dapat membayangkan ia dinyanyikan di seluruh dunia," katanya.

Bagi memperluas mesej *We Live to Give*, lagu itu turut dijadikan lagu rasmi untuk kempen amal seterusnya di saluran radio popular, HITZ FM dan MIX FM. **WK**

